



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Haji Yusof bin Abdullah—Kebenaran [Ruangan 7465]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7465]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 7474]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan) [Ruangan 7475]

Rang Undang-undang Syarikat Meminjam (Pindaan) [Ruangan 7487]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 7491]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 7505]

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 7513]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 7490]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**
- „ Menteri Undang-undang, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Penerangan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Pertanian, **DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).**
- „ **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- „ **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN MOHD. SHARIFF (Kuantan).**
- „ **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., S.I.M.P., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- „ **TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).**
- „ **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).**
- „ **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).**
- „ **TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).**
- „ **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).**
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).**
- „ **DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).**
- „ **TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).**
- „ **TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).**
- „ **TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).**
- „ **TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).**
- „ **TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).**
- „ **TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).**
- „ **TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).**
- „ **DR LIM CHONG EU (Tanjong).**
- „ **TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).**
- „ **DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).**
- „ **TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).**
- „ **TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).**
- „ **DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).**
- „ **TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).**
- „ **DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).**
- „ **TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).**
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.
(Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 17hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUACUTI Y.B. TUAN HAJI YUSOF BIN
ABDULLAH—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa saya telah meluluskan cuti selama setahun mulai daripada 1hb Disember, 1976 kepada Yang Berhormat Tuan Haji Yusof bin Abdullah, Ahli bagi kawasan Ulu Muda.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANPELABURAN BARU DALAM SEKTOR
PERUSAHAAN

1. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar pelaburan-pelaburan baru di dalam sektor perusahaan hampir tidak datang samada sebab-sebab utama telah ditentukan yang mengakibatkan keadaan ini dan jika ya, jenis sebab-sebab tersebut dan samada beliau sedar tentang aduan-aduan yang sering kedengaran daripada pelabur-pelabur tentang "red-tape" yang tidak perlu dan cukai-cukai "delibitating" seperti cukai surtax dan cukai jualan yang menghalang mereka dalam persaingan untuk mendapatkan pasaran-pasaran dunia dan juga mendinginkan pembelian oleh pengguna-pengguna kerana terdapat keperluan untuk

meninggikan harga barang-barang akibat cukai-cukai tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, memang ada anggapan daripada setengah-setengah pihak bahawa pelaburan-pelaburan baru di dalam sektor perusahaan hampir tidak datang oleh kerana sebab-sebab tertentu seperti wujudnya undang-undang tertentu atau kebimbangan terhadap kedudukan keselamatan di dalam negeri. Walaupun ada pihak-pihak tertentu yang tidak begitu senang hati dengan undang-undang yang berkenaan atau mempunyai kebimbangan terhadap keselamatan, ini saya rasa telah tidak menahan datangnya pelaburan-pelaburan baru ke dalam sektor perusahaan. Angka pelaburan bagi tempoh 9 bulan tahun 1976 dan bagi tahun 1975 yang berikut jelas membuktikan kenyataan ini:—

Tahun	Bilangan Projek Diluluskan	Pelaburan Dicadangkan	Gunatanaga Dicadangkan
1975 (Jan-Sept)	316	\$446.4 juta	27,478
1976 (Jan-Sept)	311	\$339.2 juta	23,285

Angka bagi tempoh 9 bulan adalah kurang sedikit dari tahun 1975. Ini adalah saya percaya oleh kerana dunia keseluruhannya baru sahaja mengatasi kemerosotan ekonomi daripada pertengahan tahun 1974 hingga penghujung tahun 1975 dan masih lagi belum berapa pulih semula baik keadaan dan pelabur-pelabur modal adalah mengambil pendirian yang berhati-hati (cautious) untuk melaburkan wang di dalam sektor perindustrian.

Memang kadang-kala ada aduan daripada setengah-setengah pihak pelabur di atas perkara-perkara yang dianggap mereka "red-tape", sebagai umpamanya kelambatan pelaksanaan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Suka saya menyatakan bahawa kita sentiasa mengawasi supaya tidak berlakunya

perkara yang dianggap "red-tape" dan tindakan sewajarnya akan segera diambil mengatasinya jika mendapat lapuran bahawa satu-satu perkara-perkara dianggap "red-tape" berlaku.

Mengenai masalaah bahan-bahan mentah atau bahagian-bahagian komponen yang tertakluk kepada cukai tokok dan cukai jualan telah menjadikan barang siap tidak dapat bertanding di pasaran eksport, pengecualian cukai tokok dan jualan biasa diberi ke atas bahan-bahan mentah atau bahagian-bahagian komponen langsung yang diimpot supaya barang-barang siap kita dapat bertanding di pasaran eksport. Untuk menggalakkan eksport Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan beberapa kemudahan pembiayaan semula (export credit refinancing facility) bagi eksport barang-barang perkilangan. Lima rombongan perdagangan adalah dirancang dalam tahun 1977. Saya ingin juga memaklumkan bahawa pada tahun hadapan Malaysia akan menyertai dalam sembilan pameran perdagangan. Untuk melengkapkan pengeksporthan kita dengan pengetahuan dan maklumat-maklumat berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Kementerian akan menganjurkan beberapa seminar/bengkel pada tahun 1977. Langkah-langkah itu diambil dengan tujuan untuk mempergiatkan eksport dari negeri ini.

Semenjak perlaksanaan cukai tokok dan cukai jualan, Kerajaan telah tidak menerima lapuran bahawa pelaksanaan cukai-cukai tersebut telah mendinginkan pembelian barang-barang pengguna. Walau bagaimanapun, untuk membantu pengguna-pengguna pengecualian cukai tokok atau cukai jualan atau kedua-duanya telah diberi ke atas barang-barang keperluan seperti beras, bijian gandum dan makanan ternakan. Tambahan pula, harga jualan beberapa keluaran, khususnya barang keperluan adalah dikawal oleh Kementerian dan harga barang-barang tersebut tidak boleh dinaikkan tanpa kebenaran dari Kementerian terlebih dahulu.

PENGEDAR/PEMBEKAL DADAH

2. Tengku Noor Asiah biuti Tengku Ahmad minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa Malaysia adalah termasuk dalam kegiatan sindikit pengedar/pembekal dadah antarabangsa dan samada mereka yang ditangkap itu dibicarakan segera dan jika didapati bersalah

hukuman gantung sampai mati dikenakan ke atas mereka untuk menakutkan mereka bergerak di negara ini.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat itu menimbulkan perkara yang sama dengan soalan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mana telah saya jawab dalam Persidangan ini pada 17hb November, 1976, maka buat sementara ini, saya tiadalah bercadang untuk menambah apa-apa penjelasan lagi mengenai-nya.

BUKU-BUKU TEKS—SEKIM PINJAMAN

3. Tuan Lee Lam Thye (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan membenarkan pelajar-pelajar tingkatan tiga yang memperolehi buku-buku mereka dari Sekim Pinjaman Buku-buku Teks Kerajaan menyimpan buku-buku yang digunakan untuk tingkatan satu dan dua kerana buku-buku ini adalah dikehendaki untuk tujuan membuat rujukan dan penyemakan; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar faedah dan perlunya murid di Tingkatan 3 yang diberi pinjaman buku-buku teks dibekalkan juga dengan buku-buku teks bagi Tingkatan 1 dan 2 dengan tujuannya murid dapat merujuk dan menyemak pelajaran untuk peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Lower Certificate of Education. Begitu jugalah keadaannya dengan kelas-kelas peperiksaan yang lain, iaitu Tingkatan 5 dan darjah 5 di mana buku-buku teks di kelas-kelas terdahulu daripadanya adalah perlu dirujuk dan disemak. Tetapi sekiranya setiap murid yang layak dibekalkan dengan setiap jadual buku teks tingkatan-tingkatan terawal, nescaya perbelanjaannya adalah besar. Kementerian telahpun bersetuju menyediakan peruntukan untuk menyediakan sebilangan buku-buku teks dalam beberapa matapelajaran dan sebuah jawatankuasa adalah sedang mengkaji cara-cara melaksanakan rancangan tersebut pada tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ting Ling Kiew.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Ting Ling Kiew tidak hadir).

PAKAIAN JURURAWAT

5. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya pakaian Jururawat di negara ini iaitu gaun yang mendedah lutut ditukarkan kepada seluar panjang atau Bell Bottom memandangkan Ugama Rasmi negara ini adalah Ugama Islam.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat soal pakaian Jururawat ini telah beberapa kali dibawa ke Majlis yang mulia ini, dan sukacita saya memaklumkan bahawa perkara ini akan dibincangkan dengan Kesatuan Jururawat Malaysia.

KAKITANGAN HOSPITAL JUAL UBAT

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah kakitangan hospital yang telah diketahui menjual ubat hospital;
- (b) adakah Menteri sedar bahawa pemberian ubat terlalu berlebihan kepada pesakit-pesakit luar;
- (c) adakah pernah hospital-hospital di negara kita kekurangan ubat atau kehabisan langsung; dan
- (d) berapa banyak peruntukan Kementerian ini membeli ubat dalam setahun.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini, tindakan tatatertib telah diambil ke atas tiga orang pegawai yang telah didapati memiliki ubat-ubat kepunyaan Kerajaan tanpa kebenaran, akan tetapi tidak ada pegawai yang didapati menjual ubat-ubat ini. Sebagaimana yang telah saya katakan di Dewan ini pada 9-11-76 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, penyiasatan masih dijalankan oleh pihak polis ke atas kes-kes di mana ubat-ubat telah dijumpai di klinik-klinik dan farmasi-farmasi persendirian.
- (b) Saya sedar bahawa ada terdapat beberapa kes di mana ada ubat-ubat yang telah diberi berlebihan kepada pesakit-pesakit seperti Tablet Vitamin B Com-

plex, Ascorbic Acid (Vitamin C). Ini adalah disebabkan tekanan kerja dan juga desakan untuk mengelakkan keadaan di mana pesakit-pesakit terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan ubat-ubat.

- (c) Tidak ada kes di mana hospital-hospital kekurangan ubat-ubat. Mungkin terdapat beberapa kes di mana bekalan satu jenis ubat sahaja yang tidak mencukupi dan itupun untuk sehari atau dua sahaja disebabkan penggunaannya tidak disangka akan bertambah ataupun disebabkan kesukaran pengangkutan. Di hospital-hospital Kerajaan memang terdapat lebih daripada satu jenis ubat tertentu bagi sesuatu penyakit atau keadaan itu.
- (d) Untuk tahun 1975, sejumlah \$26 juta telah diperbelanjakan untuk membeli ubat-ubat.

LOT TANAH FELDA

7. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah benar lot-lot tanah di bawah Rancangan FELDA yang boleh dimasukkan peserta masih banyak belum dipenuhi. Kalau benar sila sebutkan di rancangan-rancangan mana dan berapa lotkah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada kawasan-kawasan yang belum mempunyai peneroka di beberapa rancangan FELDA; FELDA sedang mengambil tindakan untuk membina rumah-rumah tambahan di kawasan tersebut. Sungguhpun begitu, ada juga lot-lot tanah yang tidak akan diperuntukkan kepada peneroka-peneroka kerana beberapa sebab. Yang pertama kawasan yang berkenaan didapati terlalu curam atau berbukit atau berpayau di mana difikirkan tidak sesuai untuk diberi kepada peneroka-peneroka. Yang kedua, kawasan yang berkenaan tidak mempunyai dirian pokok yang cukup akibat dimusnahkan oleh binatang-binatang liar atau akibat bencana alam seperti angin-ribut dan banjir.

GURU UGAMA SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH

8. **Tuan Haji Zakaria bin Ismail** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini telah mencukupi dengan guru-guru agama atau tidak. Jika tidak, kenapa Kementerian Pelajaran tidak memenuhi kekosongan itu, sedangkan pelajaran agama amatlah penting terutama di saat-saat negara yang sedang diancam oleh fahaman komunis.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Kementerian Pelajaran, Sekolah-sekolah rendah dan menengah Bantuan Kerajaan telah mencukupi dengan guru-guru agama. Jika berlaku kekosongan pihak yang berkenaan sekolah-sekolah akan memberitahu Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pelajaran Negeri. Kementerian akan mengambil langkah-langkah mengisikan kekosongan jawatan guru agama itu.

Mungkin ada sekolah-sekolah yang tidak cukup guru agama akibat daripada bertambahnya bilangan kelas atau pemberbentian guru agama yang lama, atau tua tetapi hal itu tidak dilaporkan segera kepada Kementerian Pelajaran, atau hal itu dilaporkan kepada Kementerian tetapi belum sempat diisi sertamerta dengan guru agama baru yang layak atau guru baru telah dilantik ke sekolah yang berkenaan tetapi ia menolak perlantikan dan tidak melaporkan diri, terutamanya di sekolah-sekolah yang berjauhan dan dalam kawasan pendalaman.

Saya suka menyatakan di sini iaitu, tidak ada kekosongan yang sengaja dibiarkan begitu sahaja tanpa diambil langkah untuk mengisikannya.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sesuatu kekosongan itu berapa lamakah tindakan yang boleh dibuat oleh Kementerian ini bagi mengisi akan jawatan yang kosong itu.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi iaitu bila kita dapat tahu ada kekosongan di dalam sekolah itu daripada Jabatan Pelajaran Negeri, maka langkah serta-merta bolehlah diambil dengan segera.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan beliau tidak sedar ada kekosongan ini,

tidakkah benar bahawa di Pahang sekarang ini ada berpuluh-puluh kekosongan dan negotiation masih berjalan di antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Kerajaan Federal mengenai dengan pembayaran gaji guru yang persetujuan belum lagi dicapai dan ini menyebabkan kekosongan ini masih ada. Adakah perkara ini dalam pengetahuan Kementerian Pelajaran?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya akan siasat, tetapi saya sudah jawab dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu iaitu ada sebab-sebab berkaitan dengan guru-guru di sekolah itu belum diselesaikan berkenaan tuntutan-tuntutan mereka dan ini boleh menjadi satu sebab yang mana guru baru ini memohon untuk menjadi guru agama di sekolah bantuan penuh, didapati kelewatan sedikit, tetapi perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya akan siasat, jikalau perlu, saya akan ambil langkah dengan segera.

RAKYAT MALAYSIA BERHIJRAH KE SINGAPURA

9. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yusof** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa ramai-
kah rakyat Malaysia berhijrah mencari kerja di Singapura (mengikut tiap-tiap negeri). Adakah Kerajaan sedar bahawa penghijrahan beramai-ramai dari kampung itu menjejaskan usaha pertanian dan pembangunan dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masaalah itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Choong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, dukactia dimaklumkan bahawa Kementerian saya tidak dapat menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang telah berhijrah dan bekerja di Singapura. Kementerian saya telah difahamkan bahawa Jabatan Imigresen juga tidak ada mempunyai angka-angka yang sedemikian. Pada masa ini tidak ada apa-apa rancangan yang dibuat untuk menghantar pekerja-pekerja ke Singapura atas dasar Kerajaan dengan Kerajaan. Pemergian pekerja-pekerja ke Singapura adalah secara persendirian.

Pada masa ini kadar pengangguran di Singapura adalah lebih kurang 4%. Ini bererti di Singapura sendiri terdapat masalah pengangguran dan oleh yang demikian itu adalah difikirkan bahawa jika adapun penghijrahan pekerja-pekerja ke Singapura, penghijrahan itu tidaklah besar kerana peluang-peluang pekerjaan di Singapura sendiri adalah terhad memandangkan kadar pengangguran yang terdapat di negara itu.

Kerajaan adalah sedar akan masalah penghijrahan beramai-ramai belia dari luar bandar ke bandar. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh negara kita tetapi juga dihadapi oleh kebanyakan negara-negara membangun. Ini adalah satu hakikat yang harus dihadapi di dalam proses pembangunan kita.

Sebab-sebab utama seseorang itu berhijrah ke bandar ialah kerana kurangnya peluang-peluang bekerja di luar-luar bandar. Langkah-langkah yang positif ialah dengan mendirikan banyak lagi kilang-kilang di luar bandar serta mengadakan banyak lagi peluang-peluang pekerjaan di luar bandar samada dalam sektor pertanian walaupun di sektor-sektor yang lain. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan akan mengadakan sebanyak 743,000 perkerjaan di berbagai bidang. Bidang pertanian dijangka akan mengadakan sebanyak 125,000 pekerjaan.

(Jawapan Soalan No. 4 adalah diberi di bawah ini):

PINJAMAN KEPADA PETANI/ NELAYAN

4. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk menggalak bank-bank di Sarawak memberikan kemudahan-kemudahan pinjaman kepada petani-petani dan nelayan-nelayan dengan syarat-syarat pembayaran yang lebih mudah dan samada lebih banyak cawangan Bank Pertanian akan ditubuhkan di Sarawak.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Bank-bank di Sarawak sama seperti bank-bank di Semenanjung Malaysia dan di Sabah, tertakluk kepada Akta Bank, 1973 dan menerima arahan-arahan yang dibuat oleh Menteri Kewangan dari semasa ke semasa melalui Bank Negara Malaysia untuk memastikan tiap-tiap bank dapat mengadakan kemudahan pinjaman yang cukup untuk golongan serta sektor-sektor tertentu di

negara ini bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Mulai daripada 1hb Oktober, 1976, Menteri Kewangan telah membuat arahan iaitu kenaikan minima pinjaman-pinjaman baru oleh tiap-tiap bank di Malaysia hendaklah dibuat seperti berikut:

- (i) peniaga-peniaga bumiputra perseorang atau perniagaan yang dikawal oleh bumiputra 20%.
- (ii) sektor-sektor utama seperti berikut:
 - (a) pengeluaran bahan makanan pertanian 10%.
 - (b) perkilangan 25%.
 - (c) pinjaman perumahan 10%.

Kadar faedah maksima juga telah ditetapkan ialah 10% setahun di atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada bumiputra dan pengusaha-pengusaha kecil jika pinjaman-pinjaman tersebut tidak termasuk di bawah Rancangan Jaminan Kredit.

Petani-petani dan nelayan-nelayan di Sarawak juga boleh mendapat kemudahan pinjaman bank di bawah Rancangan Jaminan Kredit tanpa dikenakan cagaran bagi pinjaman kurang dari \$30,000. Lebih daripada \$30,000 cagaran akan dikenakan tetapi nilai cagaran tersebut hanyalah 70% daripada jumlah pinjaman. Maksima pinjaman kepada bumiputra di bawah Rancangan ini ialah sebanyak \$200,000 dan kepada bukan bumiputra sebanyak \$100,000. Kadar faedahnya ialah sebanyak 8½ setahun. Bayaran balik pinjaman boleh dirundingkan mengikut kemampuan seorang peminjam.

Mengenai Bank Pertanian pula, dua buah lagi cawangannya di Sarawak akan ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENYE- LARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan

dan Perindustrian; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (16hb Disember, 1976)."

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat dari Sepang menyambung ucapannya yang dibuat semalam.

2.55 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi kita sekarang yang dihadapi berkenaan dengan petroliaam ini ialah masalah perhubungan di antara syarikat-syarikat multi-national dengan satu lagi golongan iaitu negara tuan rumah (host country) iaitu negara kita sendiri, Malaysia.

Dari segi syarikat multi-national ini mereka berkehendakkan tiga perkara yang besar, iaitu:

Pertama, mereka berkehendakkan supaya mereka dikecualikan daripada pelesenan.

Kedua, mereka berkehendakkan supaya management share yang satu undang-undang telahpun diluluskan oleh Dewan ini beberapa masa dahulu dibubarkan atau tidak diadakan.

Ketiga, nampaknya mereka berkehendakkan pampasan di dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Dan dari segi ketiga-tiga permintaan itu nampaknya telahpun direstui dan dipersetujui di dalam Rang Undang-undang ini yakni berkenaan dengan pelesenan telahpun diberi sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini berkenaan dengan management share telahpun dimansuhkan mengikut Fasal 3 dan berkenaan dengan pampasan telahpun diberi mengikut keadaan tertentu sepertimana yang dinyatakan di dalam Fasal 4 di dalam Rang Undang-undang ini. Bermakna ketiga-tiga perkara itu

telahpun dipenuhi dari segi host country iaitu negara Malaysia yang dikehendak oleh syarikat-syarikat multi-national itu.

Jadi, sekarang timbul masalaah kejujuran. Dari segi Malaysia, kita sudahpun menunjukkan kejujuran kita bahawa segala-gala yang dikehendaki telahpun diberi. Maka sekarang terpulanglah kepada syarikat-syarikat multi-national ini menunjukkan pula kejujuran mereka bagaimana mereka akan bertindak di atas kejujuran yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan kita sebagai negara tuan rumah atau host country.

Apa yang saya harap-harapkan ialah jangan pula kejujuran negara kita ini dianggap sebagai satu kelemahan. Ini bukan satu kelemahan, ini bukan satu keadaan yang kita telah undur atau oleh sebab pressure atau tekanan ataupun sebab yang lain kita terpaksa membuat—tidak. Pada pendapat saya setelah mengikuti perkembangan dan keadaan yang berlaku apa yang telah dibuat oleh Kerajaan kita ialah didorong oleh perasaan kejujuran dan keikhlasan; itu yang menjadi dorongan di dalam tindakan Kerajaan dalam hal petroliaam ini dan bukan kerana kelemahan. Dan saya bersungguh-sungguh harap bahawa tidak ada mana-mana pihak yang menganggap apa yang telah dibuat oleh Kerajaan kita dan sekiranya diluluskan undang-undang ini tidak dianggap bahawa ini adalah merupakan satu kelemahan, tetapi ini lahir dan didorong oleh perasaan keikhlasan dan kejujuran dari segi Dewan ini dan juga dari segi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan apa yang saya fikir dikehendaki oleh syarikat-syarikat multi-national tadi, sekarang apa pula kehendak host country ataupun negara tuan rumah. Pada pendapat saya kehendak-kehendak kita banyak juga. Satu daripadanya ialah kita berkehendakkan kewangan untuk hendak membiayai rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kita dan seterusnya. Yang kedua, kita berkehendakkan services, salary, repair dan sebagainya biarlah keperluan ini digunakan kelak daripada dalam negeri kita. Saya percaya industri petroliaam ini akan menggunakan banyak jentera dan bahan-bahannya dah kalau boleh apabila jentera-jentera ini besok berkehendakkan repair,

spare parts dan sebagainya ataupun menggunakan bahan-bahan yang lain, saya sangat-sangat merayu kalau boleh biarlah menggunakan seberapa banyak bahan-bahan tempatan, kepakaran tempatan dan juga menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di dalam negara kita. Jikalau mahal sedikit pun tidak mengapa kerana ini menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan kemajuan perindustrian dan commercial di dalam negara kita. Kehendak kita yang ketiga pula, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal personnel, lebih-lebih lagi sekarang soal management share sudah tidak ada, kita serahkan bulat-bulat kepada syarikat-syarikat multi-national, ini bermakna kita tidak ada lagi kuasa hendak menentukan personnel. Namun demikian, kehendak kita supaya latihan-latihan tertentu diberi kepada warganegara Malaysia kita ini lebih-lebih lagi kepada kaum bumiputra diberikan sedikit keistimewaan supaya latihan-latihan yang diberi dapat memberi faedah kepada mereka ini berkhidmat di dalam syarikat-syarikat multi-national dan anak-anak syarikat mereka yang begitu banyak yang akan dilahirkan dari masa ke semasa.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, kita berkehendakkan sekiranya boleh keuntungan yang akan diperolehi oleh syarikat-syarikat multi-national itu ditanam kembali kepada negara host country atau kepada negara Malaysia supaya memberi sumbangan demi kemajuan dan perkembangan ekonomi kita seterusnya. Saya faham dan saya sedar tentulah mana-mana syarikat hendak untung; itu sudah menjadi lumrah alam. Jadi, kalau mereka hendak bawa balik pun bawalah; itu sudah menjadi kebiasaan, tetapi sekiranya boleh sedikit ataupun sebahagian daripada keuntungan mereka itu dilaburkan kembali kepada Malaysia kita ini sebagai host country ataupun negara tuan rumah di dalam perniagaan petroliaam ini.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh juga biarlah proses-proses memperkilangan by-products petroliaam ini dijalankan atau dilaksanakan di dalam negara kita juga atau di dalam host country dan tidak petroliaam kita ini dibawa ke negara-negara yang lain dan di situ diproses by-productsnya seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Setapak boleh kita dapati seribu jenis by-products daripada petroliaam ini. Bermacam-macam dapat kita extract daripada petroliaam itu dan di sini juga negara

Malaysia berkehendakkan kalau boleh biarlah segala-gala proses extraction dan segala-gala perindustrian yang ada kait-mengait dengan by-products petroliaam ini biarlah kalau boleh diproseskan di dalam negara host country iaitu negara Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah faktor-faktor kasar dan saya percaya di atas kejujuran pihak syarikat-syarikat multi-national akan dapat memberi simpati kepada perkara-perkara yang telah saya nyatakan iaitu lima perkara kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh sedikit-sebanyak pada dasarnya perkara-perkara yang ada kait-mengait dengan kemajuan petroliaam ini iaitu berkenaan dengan satu daripadanya PETRONAS. Tidak boleh dinafikan bahawa PETRONAS ini akan menjadi satu badan yang penting di dalam kemajuan petroliaam dan tidak boleh dinafikan bahawa jawatan-jawatan di dalam PETRONAS ini daripada bawahnya sampai ke atasnya menjadi suatu tarikan dan saya harap

Tuan Yang di-Pertua: Dasar PETRONAS tidak boleh sentoh dalam Bil ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ini kaitannya dengan petroliaam, Tuan Yang di-Pertua, kerana kemajuan petroliaam ini akan digerakkan bersama-sama dengan PETRONAS. Dan itulah saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dari segi dasarnya sahaja tentang PETRONAS ini kerana ada kaitan

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sentuh jika PETRONAS bersangkutan dengan apa yang hendak dipindahkan ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Baiklah. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah sentuh itu sekiranya Tuan Yang di-Pertua telah memberi arahan kepada saya bahawa itu tidak relevant, maka saya akan pergi ke satu perkara yang lain iaitu berkenaan dengan apa yang telah juga diberi tahu iaitu kita jangan ingatkan dengan petroliaam ini hanya kita akan dapat keuntungan. Betul kita akan mendapat keuntungan tetapi jika kita tidak berjaga-jaga kita juga akan menerima kerugian yang besar. Sebagai misalannya, pada hari ini saya telah difahamkan bahawa Syarikat Perkapalan Kebangsaan kita yang dikait-mengaitkan dengan gas dan petroliaam. Kalau tidak berjaga-jaga akan mengalami hutang yang begitu besar, berjuta-juta,

beribu-ribu juta ringgit akan rugi oleh kerana jadual perkapalannya, mungkin kapalnya sudah sedia, tetapi gasnya belum lagi sedia ataupun mungkin tidak jadi perindustrian gasnya, dan ini akan terjadi suatu national debt atau hutang negara yang begitu besar jumlahnya. Saya memberikan contoh itu kerana ini perkara-perkara yang mesti kita berjaga-jaga. Di dalam kita berkejar-kejar menceritakan masalaah keuntungan yang boleh diperolehi daripada pertoliam ini tetapi boleh berlaku, bukan untung yang kita dapat, malah kerugian yang akan ditimpa oleh negara ini sekiranya kita tidak berjaga-jaga dan berwaspada. Jadi, dalam hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita faham minyak yang ada di Malaysia kita ini jika dibandingkan dengan minyak negara-negara lain amat kecil—kecil sahaja. Mengikut anggaran pengeluaran kita mungkin dianggarkan di antara 100-300 barrels satu hari sahaja dibandingkan dengan setengah-setengah negara asing 200 juta barrels satu hari. Dengan kadar itu saya rasa pengeluaran kita itu tidaklah begitu besar, tetapi dari segi negara kita ini penting sungguhpun pengeluaran kita itu kecil; saya tidak tahulah samada boleh atau tidak mencukupi syarat atau tidak kita memohon keahlian OPEC. Saya kurang faham dari segi implikasi ataupun detail cara mana hendak menjadi ahli OPEC ini; boleh jadi pengeluaran minyak kita tidak begitu mencukupi untuk melayakkan kita memohon ataupun menjadi ahli, tetapi saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada boleh atau tidak kita memohon menjadi ahli OPEC ini, sekurang-kurangnya ini akan menolong kita dari segi penggalian dan soal dasar-dasar berkaitan dengan minyak ini, maktumlah kita baharu sahaja di dalam hal ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada semua pihak, kepada Kerajaan, kepada pihak syarikat multi-national dan juga kepada pihak PETRONAS yang telah sama-sama memainkan peranannya demi kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana saya telah tetapkan pada petang semalam, pada hari ini saya akan beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang datang lewat

sedikit petang semalam berucap, selepas itu Yang Berhormat Menteri dijemput menjawab.

3.08 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berucap di atas Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam ini.

Terlebih dahulu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan dan lebih-lebih lagi pihak PETRONAS kerana telah mendapat menyelesaikan masalaah berhubung dengan syarikat-syarikat minyak sebagaimana yang kita ketahui baharu-baharu ini. Dengan tercapainya perjanjian tersebut sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada petang semalam, Malaysia adalah menghadapi satu zaman baharu, satu zaman yang saya rasa belum pernah lagi negara kita tempoh pada masa yang lepas.

Dalam tempoh setengah abad selepas kita mencapai kemerdekaan maka negara kita telah memasuki tiga lapangan kemajuan iaitu daripada negara yang dikatakan under-developed country sehingga menjadi developing country dan akhirnya dengan adanya minyak ini saya rasa pada satu masa yang tidak begitu lama kita akan memasuki satu lapangan lagi apa yang dinamakan industrialised country. Manakala Malaysia menjadi negara pengeluar minyak sebagaimana negara pengeluar minyak yang lain, dan juga saya percaya pada sedikit masa tidak berapa lama lagi Malaysia juga akan memainkan peranan sebagai anggota OPEC, maka di sinilah saya suka hendak bercakap sedikit berkenaan dengan peranan yang saya percaya kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita manakala kita menjadi anggota OPEC nanti saya percaya dan yakin kita akan dapat memainkan peranan yang penting di dalam OPEC itu sendiri. Kerana kalau kita lihat pada hari ini, maka kebetulan pada masa kita meminda Akta Kemajuan Petroliaam ini, lapuran-lapuran daripada suratkhbar sehari dua ini menunjukkan proses sedang berlaku di antara negara-negara OPEC dan pada hari ini kita terbaca wakil daripada Saudi Arabia Sheikh Yamani telah terbang balik ke Jeddah kerana di antara negara-negara OPEC tidak dapat mencapai persetujuan. Daripada

pertengkaran-pertengkaran, pertelingkahan-di antara negara-negara OPEC ini, saya mendapat kesimpulan iaitu seolah-olahnya negara-negara OPEC pengeluar minyak ini dan saya harap Malaysia nanti manakala menjadi anggota OPEC janganlah menjadi sebagai anggota-anggota OPEC yang ada sekarang ini, tetapi dengan kebijaksanaan Malaysia boleh memainkan peranan yang dikatakan membawa sense of sobriety atau pengaman ataupun mencapai perdamaian.

Negara-negara OPEC pada hari ini merasa seolah-olah mereka itu mementingkan ekonomi mereka semata-mata. Memang kita tidak dapat nafikan minyak pada hari ini merupakan bahan yang paling penting dalam dunia perusahaan dan juga bukan perusahaan. Dari itu merupakan senjata yang paling berkesan bagi negara-negara pengeluar minyak tetapi menggunakan minyak sebagai senjata balas terhadap negara-negara perusahaan, akibatnya boomerang itu terhadap negara-negara OPEC sendiri dan lebih-lebih lagi mendukacitakan terhadap negara-negara dalam blok dunia ketiga yang tidak ada minyak dan juga kekurangan bahan-bahan (raw material). Saya rasa sebagai contoh suratkhbar-suratkhbar pun pernah menyatakan dengan kenaikan harga minyak pada masa yang lepas, katalah 10% tetapi malangnya dengan kenaikan harga minyak 10% negara-negara pengeluar minyak itu sendiri, bukan sahaja dengan negara-negara lain, terpaksa membeli dan membayar barang-barang yang diimpot daripada negara-negara lain, negara-negara perusahaan terpaksa membayar lebih kurang 25% lebih tinggi daripada kenaikan harga minyak itu sendiri. Itu sebab saya katakan ini merupakan boomerang terhadap negara-negara itu sendiri. Bagaimanakah akibatnya akan berlaku kepada negara-negara kecil, negara-negara blok ketiga yang tidak ada mengeluarkan minyak dan tidak ada kemampuan lain-lain, tidak ada raw material sebagaimana katalah negara Malaysia kita. Inflation akan melambung naik, unemployment akan bertambah dan social problem akan meningkat yang lazimnya melahirkan situasi yang tidak dapat dikontrol dan sebaliknya membuka peluang kepada anasir-anasir dan anti-anti nasional. Adakah negara-negara OPEC ini lebih-lebih lagi anggota-anggota yang terdiri dari negara-negara Islam atau negara-negara Arab sanggup melihat satu demi satu negara-negara ini terhumban ke dalam lingkungan

blok negara-negara anti-nasional atau anti-religion dan sebagainya atau harus sebahagian dari negara-negara ini akan terjerumus ke dalam blok kapitalis yang mampu atau sanggup memberi bantuan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak suka hendak menahan Ahli Yang Berhormat bercakap. Sekarang ini kita membincangkan satu Rang Undang-undang hendak meminda beberapa bab daripada Rang Undang-undang asal. Ahli Yang Berhormat ini bercakap berkenaan dengan dasar—itu luas, dasar berkenaan dengan OPEC tidak betulan dengan apa yang kita bicarakan sekarang. Saya minta tujukan pada apa yang ada di hadapan kita, kemudian kaitlah sedikit-sedikit dengan indirect berkenaan dengan perkara-perkara yang kita pinda itu.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat dengan kerana kita membahaskan masaalah Akta Kemajuan Petroliaam (Pindaan), 1976 ini, dapatlah saya bercakap sedikit dengan masaalah yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita bawa Undang-undang asal sebagai kali yang pertama itu bolehlah dibincangkan dengan seberapa luasnya, ini kita bawa atas tiga perkara sahaja. Jikalau ada yang bersangkutan dengan tiga pindaan itu bolehlah disebutkan.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Jadi, saya tidak dapat hendak bercakap dengan lain-lain perkara, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya fikirkan perbahasan ini pula boleh dimasukkan bahasan berkenaan perkara-perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jika Yang Berhormat sentoh apa yang kita hendak pinda ini dengan indirect boleh sedikit-sedikit, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah bercakap.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Jadi saya ucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung. Tidak ada apa-apa bahan lagi yang hendak dicakapkan?

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Saya tidak ada apa-apa bahan untuk Akta (Pindaan) ini, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin bangun mengeluarkan pendapat kerana

Malaysia akan menjadi sebuah negara penge-luar minyak yang harus satu hari akan men-jadi sebuah negara yang terkemuka.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau Yang Ber-hormat tidak ada apa-apa hendak menyentuh mengenai Rang Undang-undang ini, jadi tidak adalah hendak cakap apa-apa lagi?

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Tidak ada apa-apa lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.15 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyokong Rang Undang-undang Akta Kemajuan Pet-roliam (Pindaan) 1976. Saya juga berterima kasih kepada mereka yang telah membuat syor-syor dan teguran-teguran membina ten-tang pelaksanaan polisi mengenai kemajuan perusahaan petroliam di negara ini.

Sebelum menjawab soalan-soalan yang di-bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya mengatakan di sini bahawa Kera-jaan sedar tentang mustahaknya sumber minyak yang ada di negara ini. Kerajaan juga sedar bahawa dari sumber ini—apa yang di-katakan “Emas Hitam” oleh Ahli Yang Ber-hormat dari Setapak—kita boleh dapat banyak jenis petro-kimia dan keluaran-keluaran petroliam yang berguna sebagai-mana Ahli Yang Berhormat beri contoh se-malam. Dan Kerajaan juga sedar bahawa sumber minyak adalah satu sumber yang tidak kekal, sumber yang pada satu masa akan lenyap dan tidak akan dapat diganti lagi. Oleh sebab kesedaran-kesedaran inilah maka Kerajaan telah membentuk satu Majlis Penasihat Petroliam Negara yang ditubuh-kan di bawah Seksyen 5, Akta Kemajuan Petroliam, 1974. Majlis ini ditugas me-nasihatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan dan perkara-perkara negara berkenaan dengan petroliam, perusahaan petroliam, sumber tenaga dan penggunaannya. Majlis ini juga akan mengawasi segala perkembangan yang berlaku dalam perusahaan minyak semuga perkembangan-perkembangan itu akan mem-beri keuntungan seberapa banyak yang boleh kepada negara dan rakyat.

Berkenaan dengan seruan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak supaya kajian mendalam dibuat tentang kemun-ginan mengeluarkan beberapa jenis bahan petro-kimia atau keluaran-keluaran petroliam, suka saya mengatakan bahawa pihak PETRONAS telahpun melantik sebuah firma Pakar Perunding untuk menyediakan satu Pelan Induk (Master Plan) untuk me-nentukan apakah jenis petro-kimia atau keluaran-keluaran petroliam yang patut di-usahakan di Malaysia. Pelan Induk itu akan mengandungi pengesyoran-pengesyoran ber-asas kepada keperluan, bahan mentah yang ada dalam negeri, faktor-faktor ekonomi dan lain-lain faktor yang berkaitan. Sebagai-mana telah dimaklumkan dalam Dewan ini, Pelan Induk ini bukan sahaja akan meliputi aktiviti-aktiviti “downstream” tetapi juga akan mengandungi butir-butir mengenai reserve-reserve minyak dan gas asli yang ada di negara ini.

Yang Berhormat dari Setapak telah juga menyoal semasa syarikat-syarikat itu kena membayar pampasan apabila melanggar syarat-syarat dalam perjanjian dengan PETRONAS. Berkenaan dengan perkara ini, suka saya menerangkan bahawa Perjanjian Perkongsian yang telah ditandatangani baru-baru ini ada mengandungi peruntukan yang membolehkan PETRONAS menuntut pam-pasan atau kerugian jikalau mengalami ke-rugian disebabkan oleh pelanggaran syarat-syarat penting oleh syarikat minyak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga bertanya adakah benar bahawa hasil Kerajaan akan berkurangan sebanyak \$300 juta oleh sebab adanya Perjanjian Perkongsian di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak. Saya sendiri tidak tahu di mana Ahli Yang Berhormat dapat angka tersebut. Setahu saya Perjanjian Perkongsian yang di-tandatangani baru-baru ini tidak akan me-jejaskan hasil negara. Sebaliknya, hasil negara (termasuk yang didapati oleh PETRONAS) akan bertambah jika dibandingkan dengan apa yang telah didapati oleh Kerajaan di bawah Perjanjian Concession yang telah di-mansuh itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menge-syorkan supaya syarikat-syarikat minyak me-labur semula sebahagian daripada keuntungan yang didapati dari Malaysia. Syor yang sama telah juga dibuat oleh Ahli-ahli Yang Ber-hormat dari Setapak dan juga dari Sepang.

Syor ini disambut baik oleh Kerajaan dan memang sentiasa dalam ingatan Kerajaan. Berkaitan dengan ini Perjanjian Perkongsian di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak ada mengandungi peruntukan yang bertujuan supaya syarikat-syarikat itu membelanjakan wang yang tidak kurang daripada apa yang disebutkan dalam perjanjian itu untuk menjalankan usaha carigali di kawasan masing-masing.

Perjanjian Perkongsian juga mengandungi peruntukan supaya syarikat-syarikat minyak melatih warganegara Malaysia dalam bidang-bidang tertentu supaya pada satu masa akan datang mereka itu dapat mengambilalih jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai expatriate.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga menyentuh tentang kerjasama dengan negara-negara OPEC dalam usaha menetapkan harga minyak dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah juga menyentuh tentang kedudukan OPEC. Di sini suka saya menerangkan bahawa sungguhpun Malaysia selalu berhubung dengan beberapa negara OPEC mengenai kerjasama dalam bidang perusahaan minyak, Malaysia sendiri tidak dapat atau boleh campur tangan mengenai ketetapan yang dibuat oleh mereka berkaitan dengan harga minyak. Malaysia belum lagi layak menjadi anggota OPEC oleh sebab Malaysia bukanlah sebuah negara yang mengeksport minyak yang banyak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat ada tiga criteria sebelum sesebuah negara boleh menjadi anggota OPEC ialah negara itu mesti ada a substantial net export of crude oil dan mesti juga ada reserve yang banyak dan juga mesti mematuhi ataupun share aspirations of the OPEC countries.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mengingatkan supaya berhati-hati sebelum satu-satu undang-undang dibuat.

Sebagaimana telah saya katakan, Majlis Penasihat Petroliaam Negara dan PETRONAS atas arahan Perdana Menteri telah mengkaji peruntukan Akta Kemajuan Petroliaam 1974 dan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah hasil kajian yang dibuat oleh Majlis Penasihat dan PETRONAS.

Walau bagaimanapun, tiada siapa yang boleh menjamin bahawa mana-mana undang-undang yang dibuat tidak akan memberi implikasi yang tidak diingini pada masa akan

datang. Undang-undang yang dijangka baik pada masa ianya mungkin akan menjadi kurang baik pada masa akan datang. Ini bergantunglah kepada keadaan sekeliling pada sesuatu masa. Keadaan berubah, undang-undang kenalah juga berubah.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah menyeru supaya tenaga pekerja bagi kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan usaha carigali minyak hendaklah diambil dari dalam negeri dan perkara ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang. Berkenaan dengan perkara ini, memang telah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pengambilan tenaga kerja tempatan. Oleh itu, lesen-lesen untuk menjalankan perusahaan berkaitan dengan petroliam ada mengandungi syarat supaya mengguna tenaga kerja tempatan sebanyak mana yang boleh.

Ahli Yang Berhormat ini juga telah bertanya samada betul atau tidak PERNAS telah diberi lesen untuk mengadakan supply base di Kuantan. Saya diberitahu bahawa PERNAS Mining Sdn. Berhad telah mendapat kebenaran untuk mengadakan "perkhidmatan mengangkut barang dan alat perkakas dan kemudahan tempat simpanan" barang-barang dan alat perkakas untuk digunakan oleh Syarikat carigali minyak. Kebenaran itu tidak menyebut di mana tempat simpanan itu mesti diadakan. Ini terpulanglah kepada PERNAS Mining Sdn. Berhad samada hendak diadakan di Kuantan atau di Trengganu atau di lain-lain tempat.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang ada juga menyentuh tentang pindaan kepada Seksyen 6 Akta ini. Pindaan ini hanya bertujuan memberi kuasa kepada Perdana Menteri mengecuali aktiviti-aktiviti yang difikirkan tidak payah dikawal dengan cara pelesenan di bawah Akta Kemajuan Petroliaam, bukanlah kerana mengikut kehendak multi-national. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang lain akan dikawal dari segi undang-undang yang lain dan Kerajaan memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang supaya pindaan-pindaan yang saya mencadangkan di sini jangan dianggap sebagai satu kelemahan Kerajaan atas tekanan multi-national itu. Pindaan-pindaan ini dibuat oleh kerana Kerajaan sekarang memang sedar bahawa peruntukan ini patut diubah dan bukan kerana kelemahan Kerajaan apabila mengadakan perundingan dengan multi-national. Walau bagaimanapun, saya

berterima kasih atas teguran-teguran Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan perkara itu akan diambil ingatan yang berat (serious).

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya memberi ulasan sedikit sebanyak tentang teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas teguran-teguran itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT MEMINJAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969" dibacakan bagi kali yang kedua.

Akta Syarikat-syarikat Meminjam telah berkuatkuasa mulai tahun 1969. Kajian telah dibuat bagaimana Akta ini dapat diselaras-kan dengan perkembangan negara khususnya dalam usaha melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Ketika kajian ini sedang dijalankan, Kementerian saya telah banyak menerima pertanyaan-pertanyaan dan pandangan-pandangan dari pihak orang ramai, dan pandangan ini telahpun mendapat perhatian. Saya sungguhlah berbesar hati dan ingin mengucapkan setinggi terima kasih

di atas pandangan-pandangan yang telah di-majukan kepada Kementerian saya mengenai perkara ini.

Berkenaan dengan Fasal 2 Rang Undang-undang, saya suka menjelaskan iaitu di bawah Seksyen 19, Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969 sekarang, pemegangan aset berbahaya oleh syarikat-syarikat meminjam yang berlesen dibadkan supaya tidak melebihi 10 kali ganda daripada modal yang di-bayar berserta wang cadangan syarikat tersebut sebagaimana yang tersiar di dalam kunci kira-kira yang akhir dan yang telah di-odit. Aset Berbahaya ditakrifkan sebagai aset selain daripada aset kecairan mengikut Sek-syen 18, Akta Syarikat-syarikat Meminjam termasuklah wang tunai yang dipegang oleh syarikat tersebut, deposit dengan lain-lain bank, wang panggilan (money at call), surat-surat jaminan Kerajaan dan Bil-bil Perben-daharaan. Aset-aset lain yang dianggap se-bagai aset berbahaya termasuklah deposit di dalam bank-bank di luar negeri, pelaburan di dalam anak syarikat sesuatu syarikat meminjam, pelaburan di dalam lain-lain syarikat pinjaman kepada lain-lain syarikat meminjam dan lain-lain institusi kewangan, pinjaman kepada pelanggan-pelanggan, harta-tarta tetap. Peruntukan mengenai aset ber-bahaya ini adalah bertujuan untuk mengawal kegiatan tiap-tiap syarikat meminjam dari-pada membuat pendahuluan dan pinjaman berlebihan daripada keupayaan perniagaan-nya. Didapati kegiatan setengah-setengah syarikat meminjam membuat pinjaman-pinjaman terutamanya kepada sektor utama adalah terhad oleh kerana peruntukan ini. Per-untukan ini juga menyekat Bank Negara daripada membezakan (vary) jumlah aset berbahaya yang boleh dipegang oleh syarikat-syarikat meminjam dari masa ke semasa mengikut keupayaan perniagaan syarikat-syarikat meminjam pada keseluruhannya. Dengan itu pindaan dibuat untuk membolehk-an Menteri Kewangan di atas syor Bank Negara menentukan nisbah aset berbahaya yang boleh dipegang oleh syarikat-syarikat meminjam. Dengan itu lebih banyak pin-jaman, terutamanya kepada sektor utama, boleh dibuat oleh syarikat-syarikat meminjam.

Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 tidak memberi kuasa kepada Gabenor, Bank Negara Malaysia untuk mengkompaun ke-salahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta tersebut. Ini bermakna apa-apa ke-salahan oleh sesebuah syarikat meminjam

yang dilakukan di bawah Akta ini terpaksa dirujuk kepada mahkamah untuk diselesaikan, walaupun boleh jadi kesalahan itu kecil dan boleh diselesaikan secara pentadbiran jika kuasa mengkompaun diberikan kepada Gabenor Bank Negara. Ini merugikan dari segi masa dan wang dan juga boleh melibatkan masalah kewangan penyimpanan wang dalam syarikat tersebut, jika kesalahan ini dibawa ke mahkamah. Kuasa seperti ini telahpun diberikan kepada Gabenor, Bank Negara di dalam Akta Bank 1973 dan Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti syarikat meminjam serta memperkemarkan lagi pengawalan syarikat-syarikat meminjam oleh Bank Negara Malaysia. Saya berharap syarikat-syarikat meminjam di negara kita ini akan terus mempergiat usahanya memberi pinjaman, terutamanya kepada sektor utama, dan dengan jalan ini menolong mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.37 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kadang-kala apabila Yang Berhormat Menteri-menteri menghuraikan Rang Undang-undang, selalunya penjelasan mereka itu kurang terang, kurang dapat diikuti dengan begitu lengkap, tetapi kali ini saya suka hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang telahpun memberi penerangan yang begitu jelas dan terang sehingga saya rasa tidak ada apa-apa masalah, saya hanya hendak berdiri menyokong penuh di atas pindaan yang diminta ini dan saya suka mengucapkan tahniah oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah dapat pula mengikuti perkembangan kewangan di negara kita ini dan dapat mengambil tindakan yang positif yang saya percaya sepertimana yang diminta di dalam Rang Undang-undang ini akan memberi faedah yang berkesan kepada perkembangan ekonomi terutama sekali pergolakan kewangan dalam negara kita.

3.38 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang kerana sokongannya dan juga kata-kata manis terhadap saya apabila membentangkan Rang Undang-undang yang telah saya bentangkan sebentar tadi. Oleh kerana tidak ada apa-apa ulasan yang perlu dibuat kerana tiada siapapun yang mengambil bahagian, maka saya hanya mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk diterima oleh Dewan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Rang Undang-undang dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini selesai dibahas dan diluluskan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua Rang Undang-undang dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini selesai dibahas dan diluluskan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)—

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.41 pg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958" dibacakan bagi kali yang kedua.

Pindaan yang saya bantangkan sekarang bertujuan memperluaskan kegiatan Bank Negara Malaysia, mengikut perkembangan ekonomi kita.

Fasal 2 (1) (a) Rang Undang-undang ini membolehkan Bank Negara membuat pendahuluan kepada perbadanan yang mempunyai ekuiti Kerajaan. Seksyen 30 (1) (fff) dan (ffff) Ordinan Bank Negara sekarang membolehkan Bank Negara membuat pendahuluan kepada pihak berkuasa awam, tetapi tidak kepada syarikat-syarikat yang mempunyai ekuiti Kerajaan. Pada 13-12-76 yang lepas, saya telah mengumumkan satu Sekim Pinjaman Membeli Rumah Murah yang akan diuruskan oleh syarikat Malaysia Building Society Berhad (MBSB), sebuah syarikat di mana Kerajaan mempunyai ekuiti. Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan Bank Negara Malaysia memberi pinjaman untuk menjayakan sekim Pinjaman ini dan ia juga akan membolehkan Bank Negara, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat pelaburan lain untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Fasal 2 (1) (b) Rang Undang-undang ialah untuk membolehkan Bank Negara memberi pendahuluan kepada badan-badan yang tertentu dengan tidak menetapkan kadar faedah yang patut dikenakan. Ia juga memperuntukkan wang pendahuluan ini boleh lebih dari

had 75% (yang dikenakan sekarang ini) kepada nilai pasaran sekuriti yang dicagarkan bagi tujuan ini kepada Bank Negara, atau lebih dari had 75% (yang sekarang dikenakan) nilai nominal bill pertukaran dan "promissory notes" yang dikemukakan kepada Bank Negara bagi tujuan ini. Pindaan ini membolehkan Bank Negara memberikan pendahuluan kepada institusi kewangan untuk menggalakkan mereka memberi lebih banyak kredit kepada sektor utama misalnya sektor eksport dengan mengurangkan "cost of fund" kepada badan-badan yang terlibat. Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali masih ingat yang saya telah membuat pengumuman dalam Ucapan Belanjawan saya pada 29-10-76 dan pada 13-12-76 mengenai pelancaran Sekim Membiayai Sektor Ekspot ini.

Fasal 2 (1) (c) Rang Undang-undang membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil bahagian dalam urusan Kerjasama serantau dan antarabangsa. Pada waktu ini SEACEN (South East Asia Central Banks' Research and Training Centre) yang berpusat di Malaysia adalah sebuah pusat penyelidikan dan latihan mengenai bank yang diusahakan bersama oleh bank-bank pusat dan pihak berkuasa matawang di Asia Tenggara. Oleh kerana mengikut Rang Undang-undang Bank Negara ianya tidak diberi kuasa mengambil bahagian dalam sekim serantau seperti ini, penyertaan Bank Negara pada masa ini adalah secara "informal" sahaja. Satu lagi sekim yang diselenggarakan sekarang ialah Asean Clearing Arrangement di mana bank-bank pusat dan pihak berkuasa matawang negeri-negeri ASEAN mengambil bahagian untuk membolehkan pembayaran tuntutan berkaitan dengan perdagangan, berdasarkan satu nilai matawang yang ditetapkan oleh mereka. Sekim-sekim kerjasama serantau dan antarabangsa ini akan memberi faedah kepada negara kita dan menguatkuasakan dasar luar negeri kita untuk sentiasa bekerjasama di kawasan serantau dan antarabangsa. Dengan itu pindaan yang dicadangkan ini adalah sangat sesuai.

Saya berpuas hati yang pindaan-pindaan yang dicadangkan akan membolehkan Bank Negara memainkan peranan yang lebih luas dalam perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Huraian mengenai Fasal 2 (1) (a) naskah Bahasa Malaysia Rang Undang-undang ini yang perlu dipinda mengikut Kertas 58/76 yang telah diedarkan kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat. Di bawah Huraian kepada Fasal 2 (1) (a) itu sepatutnya perkataan "awam" dimasukkan selepas sahaja perkataan "pihak berkuasa-pihak berkuasa" yang terdapat dalam baris ketiga dan memotong perkataan "awam" yang terdapat selepas sahaja perkataan "perbadanan" dalam baris keempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 telah dikemukakan bagi bacaan kali yang kedua dan sebelum dimulakan perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat telah ditarik perhatian oleh Yang Berhormat tentang pindaan kepada Huraian ini. Oleh sebab Huraian ini tidak menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang, maka tidaklah diperlu dibahas atau mendapat persetujuan Dewan ini, tetapi memadai Ahli-ahli Yang Berhormat betulkan sahaja pindaan itu dalam naskhah Rang Undang-undang masing-masing.

Sekarang Rang Undang-undang ini terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

3.48 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh Rang Undang-undang meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

Sebelum daripada itu, inginlah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan kita. Pada pandangan dan pendapat saya semenjak beliau mengambil tugas Menteri Kewangan banyaklah kita menerima berbagai-bagai pindaan dan cadangan dan orang ramai pun merasai bahawa jelaslah pada hari ini Kerajaan kita telah banyak mengubahsuai sistem-sistem yang bertujuan memberi faedah dan disambut baik oleh pihak orang ramai. Dan di sini jelaslah juga hasrat bentuk perjuangan pembangunan ekonomi kita adalah sangat-sangat menitikberatkan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan Akta ini, pada pendapat saya amatlah baik dan merupakan sambungan (extension) kepada sistem yang ada sekarang untuk menolong mengatasi sekatan "red tape" yang sedang berlaku di dalam pentadbiran kewangan negara kita dan pindaan ini bertujuan untuk melicinkan kemasukan bantuan kewangan (flow of funds) kepada berbagai-bagai institusi-institusi atau badan-badan berkanun Kerajaan yang dikatakan public bodies dan saya percaya ini adalah menjadi tujuan Rang Undang-undang ini untuk memberi kemudahan kepada badan-badan berkanun seperti PETRONAS pada masa akan datang atau pada hari ini Lembaga Letrik Negara, UDA, badan-badan ekonomi Kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita selalu sahaja memikirkan iaitu kita selalu sahaja memberi, apa sahaja yang kita hendak, semuanya kita minta kepada pihak Kerajaan. Pada pendapat saya, sistem ini adalah semata-mata berjalan pada hari ini, apa yang kita hendak, kita tujukan kepada pihak Kerajaan, tidak pernah kita memikirkan samada satu tanggungjawab dapat diberi dengan adanya satu sistem yang tertentu kepada institusi-institusi awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, selalu juga dibangkit-bangkitkan masalah practical dan amalan institusi-institusi awam, masalah kecekapan dan sebagainya, iaitu missionary yang menjalankan institusi-institusi awam ini dikuasai oleh Kerajaan dan kalau perkara itu berjalan tidak betul, bukan institusi yang mendapat kesalahan tetapi Kerajaan selalu disalahkan oleh orang ramai, terutama sekali parti-parti pembangkang menggunakan issue-issue kelemahan missionary itu untuk ditujukan menghentam Kerajaan kita, walhal Kerajaan kita mempunyai dasar-dasar yang baik. Dalam perkara ini, inginlah saya bertanya ataupun meminta blessing daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri menerima satu cadangan iaitu memberi pertimbangan supaya memberi kuasa kepada public authorities atau institusi-institusi awam ini berikhtiar mencari modal sendiri dengan mengeluarkan bond antarabangsa (issuing international bond) dan perkara ini mestilah mendapat under written oleh Kerajaan kita sendiri. Tujuannya ialah supaya kehendak-kehendak kewangan yang dikehendaki oleh institusi-institusi ini boleh mereka sendiri mencarinya dan rancangan ini menasabah

sebab badan-badan atau institusi-institusi awam ini adalah dianggap sebagai satu badan yang dikatakan revenue earning public bodies, bolehkah perkara ini diberi kuasa kepada institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya cadangan ini diterima maka Kerajaan adalah menggalakkan institusi-institusi awam ini berdikari, sebab badan-badan ini akan menjalankan segala usaha-usaha pentadbiran yang berdasarkan cost centre. Di atas kesedaran ini segala wang yang didapati dan dibelanjakan itu adalah datangnya daripada public fund. Daripada segi psychology tanggungjawab mereka itu adalah lebih dan mereka bertanggungjawab benar, mereka itu akan malu sekiranya apa yang dijalankan itu gagal, mereka akan dikutuk oleh orang ramai, tidak seperti hari ini sesuatu institusi awam ini bila tidak ada duit, minta kepada Kerajaan. Bila gagal, Kerajaan terpaksa menambah lagi dan kalau ada pegawai-pegawai yang membuat kesalahan, ditukarkan daripada satu tempat ke satu tempat, jadi perkara ini akan berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara sistem ini kelak Kerajaan dapat mengukur performance tiap-tiap institusi awam. Pada hari ini missionary yang telah saya terangkan tadi yang berjalan itu semata-mata bergantung kepada Kerajaan sahaja, kalau ada kerugian pun dia tidak bertanggungjawab, yang bertanggungjawab ialah Kerajaan. Apabila dibentangkan lapuran di dalam Dewan ini pada tiap-tiap kali kita bersidang mengenai masalah itu tetapi tidak sangat menekan tanggungjawab seolah-olah Kerajaan kita tidak dipercayai institusi-institusi ini boleh berdikari di atas kakinya sendiri, boleh bergerak merancang untuk mengadakan dan sebagainya. Sekiranya cadangan ini menjadi satu sistem yang dapat dipraktikkan di dalam negara kita, jadi akan dapatlah kita menambahkan kemasukan foreign currency di dalam negara kita dan negara kita akan lebih terkenal kalau tiap-tiap institusi awam ini mengeluarkan bondnya. Sebagai contoh, Spanish Highway yang menjualkan bondnya di seluruh dunia dan ada masa yang tertentu mengenai maturity daripada bond itu, berapa rate of interest yang dibayar dan sebagainya. Jadi, kalau dapat perkara ini juga diadakan seperti NEB, apa salahnya kita mengeluarkan International Bond NEB. Ini penting, sebab dalam PETRONAS pada hari ini badan-badan ini banyak berkehendakkan wang

kerana membeli alat-alat. Pada hari ini apa yang saya tahu Lembaga Letrik Negara kita selalu menghadapi kesulitan, sebab masih lagi menggunakan sistem yang lama, alat-alat lama, tidak berani menggunakan gas turbines misalnya, kerana alat ini mahal, takut akan membelanjakan banyak wang negara kita. Tetapi kalau kita mengeluarkan sistem international bond ini dengan wang daripada luar negeri, kita beli kolodan yang kita kehendaki untuk digunakan dalam negara kita, tidak payah kita mengeluarkan modal sendiri. Di sini juga dengan sistem ini kita boleh menduga sejauh mana negara-negara asing betul-betul mengakui yang negara kita ini stable, ekonomi kita ini kuat, sejauh mana mereka dipercayai kekuatan politik, economic stability negara kita. Ini amatlah penting kalau dapat dilaksanakan.

Yang kedua, negara kita sekarang ini sedang pesat melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga, negara kita hendak membangun. Jadi kalau kita boleh mendapatkan wang-wang asing untuk membelanjakan bagi faedah institusi-institusi awam ini, wang yang ada di dalam negara kita ini boleh kita gunakan untuk domestic purposes, lebih cepat lagi, hendak-kehendak orang ramai dan projek-projek yang boleh cepat mengeluarkan hasil serta cepat mengeluarkan keuntungan. Ini akan memperkuat kedudukan kewangan kita. Yang penting, kalau perjualan sistem bond antarabangsa ini berjalan sungguh-sungguh, badan-badan institusi awam ini akan dapat kita memperkukuhkan kewangan reserve Bank Negara. Saya percaya hari ini sebarang apa-apa pertolongan yang hendak kita belanjakan lebih daripada jangkaan, terpaksa kita ambil duit simpanan (reserve), tetapi kalau wang simpanan (reserve) ini tidak diusik, saya percaya kedudukan reserve bank kita tidak akan terjejas. Jadi saya menyokong penuh Akta ini dan saya minta kalau dapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerima cadangan yang saya kemukakan ini.

3.59 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengemukakan pindaan kepada Rang Undang-undang Bank Negara 1958 ini. Pindaan kepada Rang Undang-undang ini adalah satu bukti yang nyata bahawa pihak

Kerajaan hari ini mahu memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga bagi kestabilan politik negara dan di dalam masalah serantau dan antarabangsa pula mengiratkan perhubungan serta kerjasama dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Bank Negara akan memberi segala kemudahan-kemudahan kewangan kepada pihak-pihak berkuasa awam ini dan perbadanan-perbadanan, namun demikian pihak-pihak yang menerima kemudahan ini hendaklah jangan mengangap ini sebagai satu keistimewaan dan lupa akan berjimat-cermat dan membelanjakan wang negara tanpa segala bijaksananya. Dasar dan tujuan Kerajaan ini hendaklah betul-betul difahami oleh pihak-pihak yang akan menerima kemudahan ini. Saya berkata demikian, oleh kerana pihak-pihak berkuasa awam ini ada diantaranya yang tidak berjalan begitu licin dan sempurna dan ada pula diantaranya yang telah membazirkan wang negara sehingga berjuta ringgit semata-mata di atas sebab-sebab di antara lain, kurang kecekapan pegawai-pegawainya, kurang membuat kajian yang teliti dan mendalam dan salah nasihat oleh perunding-perunding yang diambil dari luar negeri. Kecuaian-kecuaian pihak-pihak berkuasa awam dan perbadanan ini sering berlaku terutamanya apabila mereka pada kali pertamanya mengendalikan projek-projek besar yang belum pernah dikendalikan oleh negara ini dan juga projek-projek yang berupa baru kepada negara ini yang menghendaki khidmat nasihat perunding-perunding dari luar negeri. Kerap kali projek-projek yang besar dan baharu di negara ini tidak dapat berjalan dengan baik dan akhirnya kita ketahui bahawa mereka yang betul-betul mendapat keuntungan ialah tidak lain dan tidak bukan ialah perunding dari luar negeri tadi dan juga mereka yang membekalkan jentera dan kelengkapan kepada kita juga dari luar negeri.

Keadaan seperti ini, jika ianya berlaku lagi sangatlah merugikan rakyat dan negara. Adalah tidak perlu saya sebutkan di sini, institusi manakah yang terlibat dengan kerugian seperti ini di atas sebab-sebab yang baru saya sebutkan tadi. Oleh kerana pihak Kerajaan akan memberi kelonggaran pinjaman ataupun pendahuluan ini maka di sini sukalah saya mengambil kesempatan merayu kepada institusi-institusi berkenaan supaya hendaklah berhati-hati pada masa yang

akan datang, di dalam mengusahakan apa-apa jua projek kecil atau besar supaya jangan lagi mudah dipengaruhi oleh nasihat dan khidmat pihak-pihak asing bahkan hendaklah menggunakan segala khidmat yang boleh diperolehi di negara kita sendiri. Jika Kerajaan mengatakan kita tidak berkemampuan tenaga-tenaga perunding, maka Kerajaan hendaklah mengambil daya utama untuk mengalu-alukan dan menggalakkan supaya perunding-perunding ini berusaha sama, bermuafakat supaya mereka ini melahirkan satu consortium. Saya percaya negara ini mempunyai tenaga seperti ini yang cukup.

Mengenai kadar faedah seperti yang disebutkan di dalam Fasal 2 (1) (b)—mengenai hal ini, saya menyeru supaya di dalam meletakkan faedah, Bank Negara hendaklah berdasarkan kepada priority pembangunan. Sektor-sektor yang mengeluarkan atau menggalak mengeluarkan hasil-hasil pertanian atau hasil-hasil utama hendaklah diberi priority yang tinggi di dalam menentukan kadar faedah. Seperti yang saya nyatakan tadi oleh kerana dewasa ini ada institusi-institusi yang tidak dapat berjalan dengan licin dan sempurna disebabkan oleh faktor yang disebutkan itu, maka pihak Kerajaan patut sangatlah mengadakan penyiasatan di atas institusi-institusi ini, dan jika perlu, membuat penyusunan semula di atas pentadbirannya. Kemampuan dan kebolehan pegawai-pegawai tinggi hendaklah dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah satu perkara yang sangat perlu oleh kerana bagi pihak Kerajaan sendiri iaitu menerusi Bank Negara, Kerajaan telah berkorban memberikan segala kemudahan, bersusah payah mengemukakan pindaan Rang Undang-undang ini untuk memastikan kejayaan. Di dalam usaha kita mengiratkan kerjasama serantau dan antarabangsa dengan cara melibatkan usaha-usaha Bank Negara ini maka kita hendaklah juga berhati-hati supaya kita tidak hanya semata-mata digunakan oleh negara-negara lain untuk kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah melihat dan mengetahui bahawa di antara anggota-anggota ASEAN sendiri ada yang telah cuba mengkhayalkan kita dengan cara yang paling halus dan cermat supaya kita mempersetujui kepada cadangan-cadangannya itu yang hanya akan memberi keuntungan yang maksima kepada pihak itu sendiri. Di sini juga saya tidak mahu menceritakan apakah dia perkara

yang saya maksudkan itu, kerana ini adalah di dalam pengetahuan umum. Di dalam lain-lain perkataan sebelum kita melibatkan diri dan menyertai i dalam apa jua sekim serantau dan antarabangsa bersama-sama, kita hendaklah terlebih dahulu menganalisa dengan cermat samada ianya akan mendapat faedah yang maksima ataupun tidak kepada negara ini. Ini mestilah menjadi criterion kita yang utama.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala tulus ikhlas menyokong Rang Undang-undang pindaan ini.

4.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebentar tadi. Dengan keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang pindaan Rang Undang-undang ini ialah bagi membolehkan pihak Bank Negara memberi pendahuluan kepada Pihak Berkuasa Awam dan Perbadanan-perbadanan Awam yang mana Kerajaan mempunyai kepentingan.

Keterangan yang diberi nampaknya lebih banyak menumpukan kepada pelaburan Kerajaan berkaitan dengan sekim perumahan harga murah bagi rakyat yang miskin. Saya bersetuju benar dengan rancangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagaimana yang dibentangkan di Dewan Negara pada beberapa hari yang lalu. Cuma saya ingin sebutkan di sini di samping saya mengalu-alukan sekim itu, saya ingin mengingatkan tentang rancangan yang baik ini selalunya tidak begitu mencapai kepada tujuan kita yang sebenarnya, kerana kadang-kadang selalunya salah guna atau salah jalan boleh berlaku di tengah-tengah perjalanan rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil contoh kepada satu rancangan di masa yang lalu iaitu rancangan rumah murah ataupun rumah nelayan. Pada masa yang lalu, ada rancangan ini dibuat oleh Kerajaan, tetapi di dalam pemberiannya, saya dapat tahu dan saya lihat banyak orang-orang yang bukan nelayan mendapat rumah seperti itu dan orang-orang yang tidak benar mikhin, mendapat rumah murah. Jadi saya harap dengan pelaburan Kerajaan dalam hal ini pada masa

yang akan datang dengan lebih meluas, kejadian-kejadian seperti ini tidak akan berlaku dan pihak yang bertanggungjawab atau pegawai-pegawai yang mengendalikan kerja-kerja seperti ini haruslah mengawasi supaya pemberian ini benar-benar dapat dilaksanakan mengikut yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan juga bahawa Kerajaan harus memberi perhatian kepada badan-badan yang lain yang perlu disertai oleh pihak Kerajaan khasnya perkongsian dengan kaum bumiputra dalam memajukan beberapa aktiviti-aktiviti pembangunan, kerana keadaan bumiputra sekarang ini telah mulai maju di dalam bidang pembangunan di mana saya rasa Kerajaan boleh menyumbangkan wangnya melalui syarikat-syarikat yang tertentu yang boleh mendatangkan keuntungan tetapi orang-orang yang saya maksudkan tadi ialah orang-orang bumiputra yang benar-benar berkebolehan di dalam bidang perdagangan dan perniagaan dan tidaklah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Ucapan itu adalah lebih tepat lagi kalau dibincangkan sesuatu yang berhubung dengan Kementerian Perusahaan Awam. Tetapi Rang Undang-undang ini khusus kepada tujuannya. Walaupun ada menyebutkan tentang memberi kuasa untuk memudahkan Bank Negara memberi pendahuluan kepada pihak-pihak berkuasa awam dan juga perbadanan-perbadanan, tetapi janganlah dibincangkan tugas-tugas perbadanan itu. Itu di luar daripada tujuan Rang Undang-undang ini. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bukan hendak menerangkan tentang tugas-tugas itu, cuma perhatian yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, sebagai sumber kewangan, harus diberatkan perkara ini supaya kejadian-kejadian pada masa yang lalu tidak berlaku lagi, itu maksud saya. Dan sekarang ini dengan kecekapan yang ada pada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, saya rasa pelaburan-pelaburan yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan melalui Bank Negara ini, insya Allah akan dapat dilaksanakan dengan lebih wajarnya.

Sekianlah sahaja. Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.01 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan satu daripada tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk hendak memberi pendahuluan. Cuma saya suka hendak bertanya boleh atau tidak pendahuluan itu diberi tanpa faedah, lebih-lebih lagi untuk perumahan murah untuk mereka yang kurang berada. Sukalah saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan samada beliau sudi menimbangkan kemungkinan memberi pendahuluan tanpa faedah kepada perkara-perkara yang tertentu sahaja seperti meminjam wang untuk perumahan dan sebagainya.

Yang kedua, Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk menyenangkan lagi Bank Negara menentukan kadar minimum bagi faedah yang akan dikenakan atas pinjaman-pinjamannya bagi membolehkan Bank Negara menunaikan tujuan-tujuannya.

Begitu juga saya suka hendak bertanya samada boleh atau tidak faedah yang dikenakan kepada pinjaman-pinjaman Bank Negara kita ini dapat dihapuskan untuk kes-kes yang tertentu yang difikirkan menasabah dan perlu demi kepentingan pembangunan negara kita. Saya mencadangkan perkara ini oleh kerana Bank Negara kita bukan untuk hendak membuat keuntungan, (saya faham bahawa tujuan Bank Negara kita), saya cuma mengutarakan pandangan ini dihapuskan untuk perkara-perkara yang tertentu sahaja. Dan di dalam huraian Yang Berhormat Menteri Kewangan ada juga beliau menyentuh tentang adanya Pusat Penyelidikan Bank-bank. Di sini juga saya suka hendak bertanya samada kena pada tempatnya atau tidak, boleh atau tidak, Pusat Penyelidikan Bank-bank ini menimbangkan satu sistem banking tanpa faedah dapat dilaksanakan di negara kita ini ataupun di negara-negara kawasan ini.

4.03 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan pandangan-pandangan yang baik terutama sekali sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Sepang kerana hendak meminta saya supaya Pusat Penyelidikan SEACEN yang ada di Kuala Lumpur ini

mengkaji sekim yang diutarakan olehnya supaya mewujudkan satu sistem banking yang tidak dikenakan faedah. Kalau perkara ini boleh dilakukan sekarang, saya barangkali orang yang pertama yang akan dapat pinjaman daripada bank itu. Walau bagaimanapun, saya mengalu-ngalukan cadangan ini dan saya akan menimbangkannya dengan pegawai-pegawai yang tertentu dan kalau boleh menerusi sekim yang ada tetapi suka saya memaklumkan di sini bahawa penyelidikan yang dilakukan di Pusat Latihan Penyelidikan SEACEN bank-bank antara Asia Tenggara ini adalah tertumpu kepada kegiatan bank-bank sahaja dan tidaklah mengenai perkara-perkara sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi. Dan demikian juga mengenai faedah yang dikenakan atas khidmat dan kemudahan yang dibuat oleh Bank Negara ini, mungkin pada masa ini tidak boleh dikecualikan daripada dikenakan faedah, oleh sebab Bank Negara pun perlu mendapat sedikit sebanyak keuntungan untuk menjalankan kegiatannya dari satu masa ke satu masa.

Begitu juga mengenai pinjaman yang telah diberikan kepada M.B.S.B. dalam rancangan ataupun sekim pinjaman untuk membeli rumah, baharu-baharu ini tidak dapat juga dikecualikan faedah, oleh kerana pinjaman yang akan diberikan oleh Bank Negara kepada M.B.S.B. itu merupakan suatu pinjaman dengan kadar yang paling rendah sekali, boleh dikatakan yang paling rendah dan tidak pernah diberi oleh mana-mana badan awam yang lain. Suka saya memaklumkan di sini kaedah kadar yang telah dikenakan ataupun ditetapkan oleh Bank Negara untuk sekim ini ialah sebanyak 2.5% setahun dan itu bolehlah disifatkan sebagai gift ataupun pemberian daripada Kerajaan menerusi Bank Negara untuk rakyat jelata memiliki rumah murah dengan membayar faedah yang paling rendah sekali.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak walaupun tidak ada kena-mengena dengan pindaan Rang Undang-undang ini, suka saya mengucapkan berbilang terima kasih atas pandangan yang begitu meluas dan begitu membina untuk menarik perhatian Kerajaan samada boleh atau tidak kita mengizinkan badan-badan awam mengeluarkan bond-bond samada dalam negeri ataupun luar negeri bagi meminjam wang bagi kegunaan institusi-institusi awam dengan tidak payah Kerajaan sendiri

datang ke Parlimen ataupun berusaha mencari wang untuk menampung keperluan badan-badan awam ini. Di setengah-setengah negara perkara ini memang dilakukan oleh institusi-institusi awam di mana kelonggaran peraturan telah dibenarkan dan badan-badan ini digalakkan ada setengahnya diminta supaya mencari wang sendiri dengan cara mengeluarkan bond-bond untuk dibeli oleh orang ramai sebagai pinjaman jangka sederhana ataupun jangka panjang. Tetapi sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di negara kita ini adalah negara yang sedang membangun dan perlu kita kawal kedudukan kewangan kita. Lagi pula banyak badan-badan awam yang tubuhkan oleh Kerajaan bukan sahaja oleh Kerajaan Pusat tetapi juga oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan kalaulah galakan seumpama ini dan kuasa ini diberi kepada institusi-institusi awam, saya bimbang takut kalau-kalau hutang negara, walaupun pinjaman menerusi institusi-institusi awam secara tersendiri, tetapi akan juga dijumlahkan sebagai satu hutang negara akan meningkat naik sehingga tidak terkawal dibeban oleh negara kita sendiri. Jadi itulah sebab perlu dipertimbangkan dengan halus samada cadangan ini patut dibuat atau tidak, ataupun kalau hendak dibuat patut digalakkan bagi seluruh badan-badan awam yang memerlukan kepada wang pinjaman menerusi pengeluaran bond yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi.

Saya suka juga memberi pandangan tentang cadangan ini ialah tentang pertentangan yang mungkin akan timbul. Pertentangan yang akan timbul di antara badan-badan seperti MAS dengan L.L.N. misalnya, yang kadang-kala berlumba-lumba hendak mencari wang pinjaman di luar negeri. Pada masa ini negara kita harum oleh kerana kedudukan ekonomi kita teguh dan kuat dan banyak banker-banker yang selalu kunjungi kita hendak menawarkan wang pinjaman. Tetapi mungkin pada suatu ketika nanti apabila ada perlumbaan di antara badan-badan ini kerana mengeluarkan bond-bond untuk mendapat wang pinjaman, maka mungkin pertentangan di antara badan-badan yang dikelola dan dikuasai oleh Kerajaan sendiri akan menyebabkan kenaikan kadar faedah yang akan dikenakan ke atas wang pinjaman yang pernah dan selalu diperolehi oleh Kerajaan kita.

Pada masa ini kita menentukan jadual-jadual dalam mana kita boleh meminjam wang daripada Institusi-institusi Kewangan luar negeri menerusi syndication yang selalu dijalankan oleh Kerajaan kita menerusi Bank Negara dan lain-lain pihak. Jadi inilah ingatan yang saya suka bayangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi supaya memberi kebenaran kepada institusi-institusi awam ini mengeluarkan bond. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil ingatan atas cadangan ini untuk dikaji selanjutnya.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Maran, suka saya nyatakan di sini sebelum sesuatu kerjasama diberi kepada mana-mana satu sekim yang dianjurkan dalam bentuk kerjasama serantau ataupun antarabangsa, sudah tentulah Kerajaan akan menimbang dengan halus, dengan sedalam-dalamnya samada sesuatu sekim itu boleh mendatangkan faedah dan keuntungan kepada negara serta kepentingan serantau itu sebelum ianya membuat keputusan untuk mencampuri ataupun mengambil bahagian di dalam sesuatu sekim yang tertentu. Jadi tidak usahlah bimbang tentang adanya sangkaan oleh Ahli Yang Berhormat itu, mungkin sesuatu sekim akan menguntungkan hanya satu-satu anggota negara yang mengambil bahagian dalam satu sekim kerjasama itu. Sudah tentu kita akan mengadakan mesyuarat-mesyuarat dan perbincangan dan menentukan sikap kita samada sesuatu sekim itu boleh mendatangkan faedah kepada kita.

Berbalik pula kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Dungun, suka saya nyatakan di sini bahawa sungguhpun kita telah menubuhkan sekim pinjaman membeli rumah sebagaimana yang telah diumumkan oleh saya baru-baru ini, sudah tentulah pihak Kementerian saya dan badan-badan yang berkenaan akan mengawal dengan rapi tentang kegunaan wang ini supaya orang-orang yang benar-benar patut mendapat faedah daripada sekim ini akan memperolehinya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ulasan saya kepada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sekali lagi saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.24 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kanun Tanah Negara, untuk dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tujuan pindaan-pindaan ini ialah untuk melicin, memperkemaskan lagi perjalanan, pengurusan dan pengawalan kepada Perbadanan Pengurus (Management Corporation) selepas pecah sempadan (Sub-divide) bangunan berbilang tingkat diluluskan.

Kerajaan berpendapat sudah tiba masanya rumah-rumah berbilang tingkat mempunyai suratan hakmilik subsidiari yang berdaftar. Dengan adanya suratan-suratan hakmilik subsidiari itu, maka tuan-tuan punya rumah berbilang tingkat akan merasa harta mereka terjamin.

Pendaftaran suratan-suratan hakmilik subsidiari bertambah perlu kepada tuan-tuan punya rumah pangsa yang terdiri daripada rakyat yang berpendapatan rendah. Mereka akan rasa berharta. Mereka akan rasa terjamin. Mereka juga akan dapat kemudahan-kemudahan pinjaman sama seperti kemudahan-kemudahan yang didapati oleh tuan-tuan tanah bermilik, dengan menggunakan Suratan Hakmilik Subsidiari itu sebagai cagaran.

Adalah satu kenyataan bahawa Kerajaan tidak akan dapat memberi semua rakyat sebidang tanah seorang untuk membina rumah persendirian di bandar-bandar di dalam negara ini pada masa-masa hadapan.

Pendaftaran suratan hakmilik subsidiari dan penubuhan Perbadanan Pengurus (Management Corporation) adalah satu jalan yang baik untuk memberi rakyat peluang mempunyai harta yang sama kedudukan kemudahan-kemudahan pinjamannya, dengan rakyat yang mempunyai tanah.

Peruntukan yang ada di dalam Kanun Tanah Negara pada masa ini sudah membolehkan rumah-rumah pangsa dipecah sempadan (sub-divide) dan dikeluarkan hakmilik, tetapi perkara yang menjadi masalah sekarang ialah mengenai penubuhan Perbadanan Pengurus atau Management Corporation, di bawah Seksyen 357 Kanun Tanah Negara untuk mentadbirkan rumah-rumah pangsa yang telah dijual kepada penghuni-penghuni, lebih-lebih lagi rumah-rumah pangsa yang dipunyai oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Dengan tujuan supaya peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara menjadi kemas dan lengkap dan dibolehkan "the designated officer" berkuasa mengambil apa-apa tindakan yang difikir perlu supaya segala tanggungjawab-tanggungjawab Perbadanan Pengurus atau Management Corporation itu akan terus berjalan maka beberapa pindaan kepada seksyen-seksyen yang tertentu Kanun Tanah Negara dibuatkan.

Seksyen-seksyen dan ringkasan pindaan-pindaan itu adalah seperti berikut:

Pindaan-pindaan itu ialah pada Seksyen 355, 356, 362, dan 367, Kanun Tanah Negara. Schedule ketujuh di dalam Kanun Tanah Negara yang berkaitan dengan pindaan kepada empat seksyen tersebut di atas juga dipinda.

Pindaan besar berlaku pada Seksyen-seksyen 362 dan 367. Pindaan kepada Seksyen 362 ialah dengan memasukkan Seksyen 362A. Pindaan kepada Seksyen 367 ialah dengan memasukkan seksyen baru 367A.

Pindaan kepada Seksyen 355 dan Seksyen 356 adalah berkaitan (consequential). Pindaan kepada schedule 7 adalah dengan mengadakan schedule 7A dan 7B.

Seksyen 355. adalah di dalam bahagian 25, Kanun Tanah Negara. Ia mengandungi takrif istilah-istilah Undang-undang yang digunakan untuk bahagian 25 itu. Pindaan dibuat dengan memasukkan takrif "the designated officer", selepas takrif "the common property".

"The designated officer", adalah seorang pegawai awam dalam perkhidmatan negeri, atau kuasa tempatan, atau mana-mana badan berkanun yang diwujudkan di bawah Undang-undang Negeri itu, yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan *Warta Kerajaan*, untuk melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan dengan Perbadanan Pengurus atau Management Corporation.

Seksyen 356

Satu sub-seksyen baru iaitu sub-seksyen (3) ditambah.

Mana-mana jumlah wang yang boleh dituntut oleh Perbadanan Pengurus (Management Corporation) daripada seorang tuan punya hakmilik subsidiari, jumlah wang itu bolehlah juga dituntut dengan cara attachment of moveable property seperti kehendak-kehendak Seksyen 367A.

Seksyen 362A

Seksyen-kecil (1)

Seksyen ini memberi kuasa kepada pihak Berkuasa Negeri melantik seorang "designated officer", untuk menjadi penasihat utama kepada mana-mana Majlis Perbadanan Pengurus yang tidak menjalankan urusannya dengan betul. Designated officer itulah yang akan mentadbirkan perjalanan Perbadanan Pengurus itu dengan menggunakan kuasa dan kemudahan jabatannya jika perlu. Seksyen ini juga memberi kuasa kepada "designated officer" itu untuk menjadi Pengerusi di mesyuarat Majlis Perbadanan Pengurus tetapi dengan hak mengundi pemutus sahaja.

Seksyen-kecil (2)

Memberi kuasa kepada pihak Berkuasa Negeri, jika tindakan yang dijalankan di bawah Seksyen-kecil (1) di atas tadi, tidak juga memperbaiki perjalanan Perbadanan Pengurus itu (Management Corporation) bagi membenarkan "the designated officer", mengambilalih kuasa dan mentadbirkan Perbadanan Pengurus, sebagai ejen kepada

Perbadanan Pengurus atau Management Corporation itu.

Seksyen 367A

Memberi kuasa kepada "the designated officer" bagi mengeluarkan waran tahanan (Warrant for attachment) bagi harta-harta pemilik sesuatu yunit, yang boleh dialih (moveable property), bagi mereka yang mungkir membayar tuntutan-tuntutan yang ditetapkan oleh sesuatu Perbadanan Pengurus atau Management Corporation.

Oleh kerana huraian-huraian dan penjelasan lanjut mengenai seksyen-seksyen yang dipinda itu terutama sekali Seksyen 362A dan juga Seksyen 367A serta perenggan 6 jadual ketujuh adalah tercatat dalam Huraian Bill yang di hadapan kita sekarang, maka saya tidaklah bercadang menghurai lebih lanjut lagi. Hanya saya suka menyatakan bahawa pindaan-pindaan ini juga dipakai untuk Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Rah Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang (Pindaan) yang ada di hadapan kita hari ini ialah bertujuan meminda Kanun Tanah Negara dengan mengadakan dua seksyen baru iaitu Seksyen 362A dan Seksyen 367A dan Jadual-jadual yang berkaitan. Seksyen baru 362A mengadakan peruntukan bahawa di mana pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa perbadanan pengurus itu telah tidak menjalankan mana-mana daripada kewajipan-kewajipan berkanunnya maka ia diberi kuasa untuk melantik seorang pegawai yang ditetapkan (designated officer) yang bertugas sebagai penasihat utama kepada pihak executive perbadanan pengurus dengan kewajipan untuk bekerja bagi membolehkan perbadanan pengurus mengaturkan mesyuarat dan menjalankan tugas-tugas yang lain. Sekiranya tindakan yang diambil ini telah

tidak menjadikan lebih baik perjalanan tugas-tugas perbadanan pengurus itu, maka di bawah Seksyen-kecil 2, Seksyen 362A pegawai yang ditetapkan akan menjadi pihak Berkuasa yang meneruskan segala perbuatan dan keputusan majlis.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya Rang Undang-undang (Pindaan) yang diadakan pada hari ini ialah satu Rang Undang-undang (Pindaan) yang amat baik dan saya rasa patutlah Rang Undang-undang (Pindaan) ini merupakan peringkat akhir bagi membuka jalan untuk membolehkan flat-flat bertingkat-tingkat dijual kepada orang ramai atau penyewa-penyewa selepas mereka telah membuat permohonan untuk mendapatkan strata title. Dengan pandangan ini saya berharap bahawa beberapa pihak-pihak Berkuasa seperti Dewan Bandaraya, Perbadanan Kemajuan Negeri, Pemaju-pemaju Perumahan dan agensi-agensi yang lain akan tidak lagi mencari alasan-alasan untuk melambatkan penjualan flat-flat bertingkat-tingkat mereka kepada penyewa-penyewa atau penghuni-penghuni.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka merujuk dengan khususnya kepada flat-flat atau rumah pangsa bertingkat-tingkat yang dibina oleh pihak Dewan Bandaraya. Dengan kemasukan seksyen baru ini mengenai perjalanan perbadanan pengurus ke dalam Kanun Tanah Negara, maka flat-flat itu haruslah dijual kepada penyewa-penyewa dengan secepat yang boleh. Masa ini penghuni-penghuni rumah pangsa di dalam Kuala Lumpur telah kerap kali diberi tahu oleh Dewan Bandaraya bahawa rumah-rumah pangsa itu tidak dapat dijual kepada mereka oleh kerana kelambatan Kerajaan untuk mengambil tindakan meminda Kanun Tanah Negara berkaitan dengan perkara perbadanan pengurus.

Di sini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada suatu soal lisan yang diadakan oleh saya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada 22hb November, 1974 yang mana saya ada bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilakah undang-undang akan dikemukakan untuk membolehkan Dewan Bandaraya menjual rumah pangsa

berharga murah kepada penyewa-penyewanya. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada masa itu ialah undang-undang yang berkenaan ialah Kanun Tanah Negara dan saya difahamkan bahawa Kementerian Tanah dan Galian sedang mengambil tindakan untuk meminda Kanun Tanah Negara bagi mengadakan peraturan supaya tuan empunya rumah pangsa dapat menjual kepada penyewa-penyewa yang berkenaan.

Mengenai rumah-rumah pangsa kepunyaan Dewan Bandaraya pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya apakala peraturan tersebut telah diluluskan. Oleh hal yang demikian, saya harap dengan pembentangan dan juga kelulusan Rang Undang-undang (Pindaan) yang ada dihadapan kita hari ini, saya berharap bahawa pihak yang berkenaan tidak akan lagi menggunakan apa-apa atau mencari apa-apa alasan bagi melambatkan issue ini.

Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu penghuni rumah-rumah pangsa Kerajaan di Kuala Lumpur yang saya sebutkan tadi telah menunggu terlalu lama dengan harapan bahawa pada satu hari flat-flat yang disewa oleh mereka sekarang dapat dimilikki oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) yang ada dihadapan kita hari ini, maka saya suka bercadang dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, khasnya Seksyen 362A pihak Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan dengan serta-merta untuk memohon strata title bagi semua flat-flat kos rendah supaya rumah-rumah ini dapat dijual kepada penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah mengikut konsep housing owning democracy.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya ingin juga saya mengesyorkan di sini bahawa Kementerian yang berkenaan patutlah mengaturkan satu mesyuarat yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Perumahan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Dewan Bandaraya, Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dan lain-lain agensi yang berkenaan supaya taklimat dapat diberi kepada mereka berkenaan dengan pindaan baharu Kanun Tanah Negara ini dan juga mempengaruhi mereka untuk mengambil tindakan dengan serta-merta untuk menjual flat-flat bertingkat-tingkat kepada penghuni-penghuni mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.38 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar kerana telah mengeluarkan pandangan-pandangan beliau dan juga menyokong Rang Undang-undang ini serta sambutan beliau kepada pindaan yang ada dihadapan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini soal penjualan flat ataupun rumah pangsa kepada penghuni-penghuninya adalah luar daripada bidang kuasa Kementerian ini, maka ini adalah terpuang kepada pemaju-pemaju perumahan samada private ataupun pihak berkanun.

Mengenai perkara yang akhir sekali yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mencadangkan supaya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil perumahan dan orang-orang lain dan menggalakkan mereka menjualkan rumah-rumah pangsa ini kepada penghuni-penghuninya, saya dengan penuh sukacita menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya Kementerian ini telah mengambil tindakan-tindakan yang saya rasa patut diambil dengan bertujuan untuk melaksanakan tujuan mengadakan subsidiary title kepada rumah-rumah pangsa. Pada 14 hari-bulan Disember baru-baru ini Kementerian telah mengadakan satu mesyuarat dengan wakil-wakil yang terdiri daripada Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan (Housing Developers Association). Kita juga telah menjemput wakil daripada PKNS, kumpulan akitek, wakil Rakyat, wakil dari Bar Council of Malaysia, pihak UDA, pihak Bandaraya, Kementerian Perumahan dan wakil institusi kewangan dengan tujuan supaya kita dapat memberi penjelasan yang lanjut kepada mereka, khususnya mengenai undang-undang yang sedia ada di dalam Kanun Tanah Negara yang dapat memberi kuasa supaya rumah-rumah yang sudah dibahagi-bahagikan mendapat subsidiary title.

Selain dari itu, perbiocangan telah juga dijalankan supaya kita mendapat pandangan-pandangan mengenai masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh pengusaha-pengusaha dan juga yang mungkin dihadapi dalam pendaftaran dan pengeluaran subsidiary title ini. Kementerian juga telah menentukan supaya jabatan-jabatan yang berkenaan terutama sekali Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur tahu bagaimana memproseskan segala permohonan untuk strata titles ini. Dalam hal ini pihak Kementerian telah mengadakan satu mesyuarat yang dihadiri oleh semua Pengarah-pengarah Tanah dan Pengarah Ukur di seluruh Malaysia iaitu pada 15hb Oktober, 1976 supaya menentukan tiap-tiap Jabatan Tanah, khususnya Jabatan Tanah di daerah yang besar tahu bagaimana memproses permohonan untuk mengeluarkan strata titles ini. Inilah di antara lain langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian.

Suka saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sambutan daripada pihak pemaju perumahan setakat ini adalah boleh dikatakan berkurangan dan saya harap selepas mesyuarat yang diadakan pada 14hb. Disember, 1976 tadi sambutan akan bertambah baik lagi dan salah satu daripada wakil Housing Developers Association telah memberi jaminan kepada saya bahawa mereka itu akan mengemukakan memorandum membuatkan cadangan-cadangan dan lain-lain lagi. Setakat ini di seluruh negara kita, kita hanya menerima 11 permohonan untuk strata titles bagi rumah-rumah pangsa dan 6 daripadanya telah diluluskan dan 4 daripada permohonan itu telah dikeluarkan geran strata titles. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap supaya pemaju-pemaju perumahan akan mengambil peluang ini untuk menepati hasrat Kerajaan supaya khususnya orang-orang yang berpendapatan rendah dapat mempunyai rumah supaya mereka merasa terjamin dan dapat menggunakan segala kemudahan-kemudahan yang ada kepada mereka seperti juga tuan-tuan tanah yang bermilik.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) (No. 3)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.45 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3) dibaca bagi kali yang kedua.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada latarbelakang Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Jadual Pertama kepada Akta 34/60 pernah dipinda seperti di dalam Akta A. 336/76. Pindaan mula dikuatkuasakan pada 27hb Februari, 1976 yang lalu. Pindaan Jadual Pertama seperti dalam A. 336/1976 adalah berkenaan cara menilai pampasan tanah-tanah milik yang hendak diambil balik oleh Kerajaan untuk projek-projek pembangunan. Cara penilaian pampasan tanah bermilik seperti di dalam A. 336/76 telah menimbulkan kesulitan dan rasa tidak puas hati rakyat yang terlibat. Perkara ini telah dibawa kepada Majlis Tanah Negara pada 15hb Oktober, 1976. Hasilnya Majlis Tanah Negara telah melantik sebuah Jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan wakil-wakil Kerajaan Negeri untuk mengkaji perkara ini dengan telitinya. Jawatankuasa tersebut telah meneliti perkara ini dan memperakukan bahawa kesulitan yang ditanggung oleh rakyat itu adalah benar

dan dengan demikian mustahak dibuat pindaan ke atas Jadual Pertama itu.

Tujuan meminda Jadual Pertama seperti yang kita semua maklum Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34/60. Jadual Pertama yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ialah meletakkan cara-cara mengira pampasan yang mesti dibayar kepada tuan-tuan tanah bermilik yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah menjadikan Jadual Pertama kepada Akta yang tersebut sama keadaannya sebelum dipinda oleh Akta A. 336/76.

Seksyen 1 dan 2 di dalam Rang Undang-undang ini menyatakan bahawa jika Rang Undang-undang ini diluluskan ia akan mula berkuatkuasa pada 27hb. Februari, 1976 iaitu tarikh Akta A. 336/76 mula berkuatkuasa. Cadangan ini dibuat supaya faedah-faedah menilai semula Jadual Pertama yang asal akan dapat membantu kesulitan mereka yang terlibat akibat peraksanaan A. 336/76.

Sebahagian besar daripada Rang Undang-undang ini adalah peraturan-peraturan yang mesti diikuti oleh Pemungut Hasil Tanah untuk mencapai tujuan tersebut di atas. Dengan ini bermakna yang pertama semua mereka yang terlibat dengan Akta A. 336/76 akan mendapat faedah bayaran pampasan yang patut mereka terima jika A. 336/76 telah tidak dikuatkuasakan. Kedua, jika enquiry sudah bermula pada atau selepas Februari, 1976 tetapi Pemungut Hasil Tanah belum lagi membuat tawaran pampasan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengasaskan tawaran pampasan kepada Jadual Pertama yang asal, seolah-olah Akta A. 336/76 tidak berkuatkuasa. Ini terkandung dalam Seksyen 3 Rang Undang-undang ini.

Ketiga, jika Pemungut Hasil Tanah telah membuat tawaran pampasan kepada tuan-tuan tanah mengikut Akta A. 336/76 maka Pemungut Hasil Tanah hendaklah membuat penilaian yang baru dengan mengasaskan perkiraan kepada Jadual I yang asal. Ini terkandung dalam Seksyen 5 Rang Undang-undang ini.

Keempat, jika ada apa-apa bantahan kepada tawaran pampasan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah berpandukan Jadual Pertama yang asal itu, maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada Mahkamah

Tinggi. Jika tidak ada apa-apa bantuan maka perkara itu dianggap selesai.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini nanti dapatlah mengurangkan kesulitan rakyat yang terlibat dan juga memberi kemudahan kepada Kerajaan dan negara dalam melaksanakan tujuan pengambilan balik tanah sejajar dengan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.50 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3), 1976 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Di samping itu saya suka juga membuat sedikit teguran mengenai pelaksanaan pengambilan tanah yang telah berlaku secara pesat terutama di kawasan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang hendak saya bangkitkan ialah masalah bayaran pampasan sehingga hari ini setelah tanah orang kampung itu diambil sudah lebih kurang 1½ tahun pampasan itu belum dibayar lagi. Pada hari ini saya sendiri membawa kepada pihak berkuasa yang berkenaan bertanya mengapa pampasan itu lewat dibayar, mengambil masa yang begitu panjang sehingga 1½ tahun. Jawapannya ialah wang tidak ada, sedang diikhtirakan untuk meminjam daripada bank, dalam pertimbangan bank tersebut dan berbagai-bagai alasan yang tidak dapat diterima oleh orang ramai, terutama orang-orang yang tanahnya diambil.

Dalam hubungan ini, apa yang menyedihkan ialah sebagai contoh ada satu kes yang dapat saya ceritakan dalam Dewan ini iaitu seorang tuan tanah yang tanahnya telah diambil seluas 5 ekar dan jumlah bayaran yang hendak dibayar itu lebih kurang \$30,000. Apabila tanahnya diambil, tuan tanah itu mencari tanah di tempat lain iaitu di pendalaman. Kebetulan pula pada masa itu ada sebidang tanah seluas lebih kurang 6 ekar hendak dijual dengan harga \$35,000. Jadi tuan tanah itu segera pergi kepada tuan tanah yang menjual tanah itu dengan membayar cengkeram sebanyak \$2-\$3 ribu dan

dia terus pergi ke bank meminta pinjaman dan membayar harga tanah baru dengan harapan pampasan atas pengambilan tanah itu akan dibuat dalam masa 6 bulan. Dia memberi jaminan kepada bank dalam masa 6 bulan dia akan membayar balik segala hutangnya. Tetapi ducacita dinyatakan sehingga seperti saya katakan tadi 1½ tahun pampasan belum dibayar. Ini menyebabkan beberapa kesulitan. Ini yang katakan kalau boleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendaklah mengambil berat tentang hal ini.

Selain daripada itu, pesawah-pesawah juga terlibat dalam perkara ini. Ada seramai 13 orang pesawah atau petani yang miskin tanahnya diambil untuk dijadikan kawasan perindustrian belum dapat pampasan sehingga hari ini. Sudah berapa kali saya bawa perkara ini dalam Majlis Tindakan Daerah tetapi jawapannya: sedang diproses, akan dibayar setelah wangnya ada. Jadi, inilah perkara yang saya alami yang terpaksa Wakil Rakyat berhadapan dengan rakyat dan terpaksa menema berbagai-bagai cacian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah masalah hendak membuat bantahan apabila Kerajaan mengambil satu-satu bidang tanah yang dipunyai oleh orang kampung, saya berharap dapat dibuat satu peraturan supaya Pejabat Daerah atau pihak berkuasa yang berkenaan memanggil tuan punya tanah itu memberitahu: begini keadaannya, Kerajaan akan mengambil tanah awak, kalau awak tidak bersetuju dengan harga yang ditawarkan oleh Kerajaan boleh membuat bantahan. Cara membuat bantahan ialah dengan mengisi borang "J" atau "H" dan sebagainya supaya tuan punya tanah yang kurang pengetahuan, yang tidak tahu cara-cara hendak membuat bantahan itu dapat tahu dan dapat bertindak mencari peguam dan sebagainya. Pada masa yang telah sudah tidak, cuma dikeluarkan notis dan notis itu dihantar ke rumah yang berkenaan bukan kepada orang yang punya tanah itu tetapi di rumah kepada anak-pinaknya sendiri. Jadi pihak tuan punya tanah itu tidak tahu apa yang patut dibuat dan perkara ini sudah dilaporkan kepada Wakil Rakyat sendiri, setelah masa tempoh untuk membuat bantahan itu berakhir, baru perkara ini dapat ke pengetahuan Wakil Rakyat. Jadi kita sendiri tidak dapat hendak berbuat apa-apa dalam perkara ini. Oleh itu, sekali lagi saya berharap Yang Berhormat Menteri supaya dapat dibuat satu peraturan

memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada orang kampung apabila tanah mereka hendak diambil panggil tuan-tuan punya tanah yang berkenaan itu beri penerangan: Ini harganya dan kalau awak tidak bersetuju begini cara hendak buat bantahan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah masalah kita terpaksa bayar wang deposit kalau kita hendak buat bantahan tidak bersetuju dengan bayaran yang ditawarkan oleh Kerajaan itu iaitu wang sebanyak \$1,000 kita kena ikat dengan pihak Kerajaan. Dalam hubungan ini, apa yang saya hendak merayu kepada Yang Berhormat Menteri ialah orang-orang kita di kampung tidak mempunyai wang tunai—\$1,000 ini barangkali satu angka yang agak tinggi. Kalau boleh dibuat peraturan supaya tuan-tuan punya tanah yang hendak membuat bantahan itu memadai orang itu menandatangani satu surat pengakuan mengatakan setelah dia mendapat bayaran pampasan itu potonglah wang \$1,000 yang sepatutnya diikat untuk membuat bantahan kepada Kerajaan itu. Ini untuk mengatasi masalah kesulitan orang-orang kampung yang tidak dapat mengadakan wang tunai \$1,000 untuk menyatakan bantahan di atas pembayaran harga yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang hendak saya bangkitkan dan akhirnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

4.58 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini saya suka menyampaikan sedikit sungutan dan hasrat rakyat mengenai pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah berlaku dalam pengambilan tanah ini yang dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat Daerah ataupun Pemungut Hasil Tanah ada kalanya pengambilan tanah ini tidak menghetongkan langsung kedudukan tanah yang hendak diambil. Umpamanya, seorang tuan tanah itu mempunyai 2 ekar tetapi yang diambil oleh Kerajaan hanya 1½ ekar sahaja, baki daripada tanah yang diambil oleh Kerajaan itu tidak dapat digunakan oleh tuan-tuan tanah. Jadi, dalam soal pengambilan tanah ini saya fikir pihak yang berkenaan dengan nasihat

Jabatan yang berkenaan atau Kementerian ini dapat menolong sama memperhetongkan supaya baki tanah yang tinggal itu dapat digunakan oleh tuan-tuan punya tanah, sebab apabila satu-satu bidang tanah diambil di hujung sebelah sini tidak dapat dibuat rumah tepi ada baki tanah, di hujung sebelah sana pun ketinggalan tidak dapat dibangunkan sebuah rumah. Kedudukan yang seperti ini saya fikir boleh disesuaikan apabila mendapat pertimbangan daripada pihak yang berkenaan sewaktu hendak mengukur atau hendak melancarkan satu-satu projek itu bagi membolehkan baki tanah itu dapat digunakan oleh tuan-tuan tanah. Jadi inilah sungutan yang banyak kita terima dan ini adalah sebagai satu rayuan yang harus disampaikan kepada orang yang berkenaan. Saya tidak mengatakan orang di Kementerian ini tidak tahu kedudukannya, tetapi pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan tapak-tapak tanah ini juga orang yang menyediakan pelan untuk mengambil tanah bertanggungjawab sama. Inilah yang banyak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diperkatakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, perkara ini memang benar berlaku khususnya di dalam kawasan saya oleh kerana kebetulan di dalam kawasan saya itu banyak tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan untuk bermacam-macam projek seperti persekolahan, cawangan universiti atau sebagainya. Apa yang saya kurang faham apabila perkara-perkara pengambilan tanah dan pampasan yang hendak dibayar ini dikemukakan kepada pihak yang berkenaan di Pejabat Daerah ataupun pihak Kerajaan Negeri, maka kata Kerajaan Negeri: Tanah ini mesti dibayar oleh pihak universiti, Universiti Pertanian umpamanya. Tanah ini telah lama diambil balik tetapi pembayaran tidak dibuat, kononnya bukan Kerajaan Negeri yang hendak bayar tetapi pihak universiti ataupun daripada jabatan-jabatan tanah yang tertentu yang berkehendakkan tanah itu yang meminta supaya Kerajaan Negeri melaksanakan pengambilan tanah ini. Jadi, saya nampak perkara yang telah lepas ini tidak ada penyelarasan langsung, apabila perkara ini sudah dipanggil untuk dibicara tiga-empat tahun dan sampai sekarang ini pun samada sudah dibayar atau tidak, saya tidak tahu, sebab saya datang ke Parlimen ini. Tetapi sebelum saya datang ke Parlimen ini,

saya mengesahkan bahawa ianya belum dibayar lagi tanah yang diambil itu. Perkara-perkara yang seperti ini tentulah mendatangkan keduacitaan sangat, sebab sewaktu tanah ini diambil dahulu harganya lebih kurang dalam \$2,000 seekar, tetapi sekarang ini sudah meningkat \$4,000 seekar, bermakna sudah sekali ganda harga tanah itu naik, sedangkan bagi pihak tuan-tuan tanah tidak dapat menerima pampasan yang hendak dibayar kepada mereka. Kalaupun difikirkan dari satu segi, memang ini satu penganiayaan yang tidak disengajakan dan satu kezaliman kepada orang yang tidak tahu undang-undang dan tidak tahu kaedahnya, sebab sepatutnya kalau hendak dibayar sekarang, bayarlah dengan harga \$4,000 tetapi dihayar dengan harga \$2,000 iaitu harga yang ditaksirkan semasa tanah itu diambil. Kerajaan kita tidak dapat hendak menilaikan kedudukan tanah itu yang mana harga tanah itu telah naik. Saya fikir patutlah perkara ini diambil perhatian di masa-masa yang akan datang dan kalau perlu Rang Undang-undang ini dibuat satu pindaan yang membolehkan pihak Kerajaan membayar mengikut harga semasa dibayar, jangan harga semasa diambil, kalau harga semasa diambil empat tahun dahulu \$2,000 tetapi harga semasa dibayar \$4,000 maka ini bermakna tuan punya tanah kerugian sebanyak \$2,000. Hamba Allah ini rugi. Bagi pihak Kerajaan memang untung, tetapi bagaimana pula dengan pihak rakyat? Kerajaan untung \$2,000 bagi satu-satu ekar. Ini memang kita akui, tetapi kepada rakyat yang menanggung ini adalah satu perkara yang harus diambil perhatian untuk dikaji dan kalau boleh dipinda peraturan serta dibayar mengikut harga taksiran sewaktu dibayar. Saya fikir kalau dibuat semacam ini pihak jabatan yang berkenaan yang hendak tanah ini dapat berikhtiar dengan cepat sedikit untuk membayar tanah-tanah yang diambil ini. Kalau tidak masalah ini akan dilambatkan. Kalau bertambah lambat akan bertambah banyaklah ruginya kepada tuan punya-tuan punya tanah dalam soal pengambilan tanah ini.

Itulah sahaja rayuan saya khususnya mengenai tanah-tanah yang telah diambil dan saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan jabatan yang berkenaan tolonglah ikhtiar supaya dipercepatkan bayaran wang pampasan yang telah lama selesai, semua telah selesai, hanya menunggu wang sahaja yang hendak dibayar,

tetapi sudah bertahun-tahun belum diselesaikan lagi. Inilah sahaja rayuan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.05 *ptg.*

Datuk Haji Mohd. Ari bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Ulu Nerus yang telah mengambil bahagian bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang.

Nampaknya perkara yang disentuh oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu adalah bersamaan iaitu tentang kelambatan membayar pampasan harga tanah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan. Memangnya ada kadangkala berlaku kejadian kelambatan membayar itu oleh sebab-sebab yang tertentu atau sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, umpamanya arahan untuk mengambil tanah itu dilakukan sebelum daripada wang untuk membayar pampasan itu datang daripada pihak Kerajaan Pusat, jika pampasan itu adalah untuk kepentingan Kerajaan Pusat tetapi jika pengambilan balik tanah itu untuk kepentingan Kerajaan Negeri maka pembayaran itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri sendiri. Sebenarnya saya pun tumpang dukacita sama jika sekiranya wang pampasan itu sampai bertahun tidak dibayar, sebab mengikut biasanya wang pampasan itu dibayar tidak lebih daripada tempoh 6 bulan, jika sekiranya tidak berlaku sebarang appeal atau rayuan tidak puas hati terhadap harga yang ditawarkan. Dengan demikian, saya ambil ingatan atas perkara ini dan akan berhubung dengan pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk mengatasinya dan saya percaya pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada muskil dalam perkara semacam ini bolehlah membuat perhubungan dengan pihak Kementerian ini supaya kita dapat tahu dengan specific tentang tanah mana dan bila telah diambil serta yang mana belum dapat dibayar lagi sampai pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah pesawah ataupun kaum tani yang telah diambil untuk dibuat kawasan perindustrian mengikut kata beliau sampai sekarang belum dibayar, inipun cerita baru yang saya baru dengar dan Dewan inipun saya fikir baru

mendengar perkara ini. Saya harap elok juga Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu cerita ini lebih awal dengan tidak payah menunggu Persidangan Parlimen supaya pihak Kementerian dapat menyiasat dengan lebih lanjut dan pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan dapat membayar supaya jangan sampai sekian lama rakyat menderita menunggu wang pampasan itu.

Yang keduanya, berkenaan dengan membuat bantahan. Sebenarnya di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah telah diperuntukkan cara-cara dan kaedah-kaedah untuk membuat rayuan, bantahan dan sebagainya. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa siapa sahaja yang hendak membuat bantahan kena ikat deposit sebanyak \$1,000 pada Kerajaan. Sebenarnya perkara ini tidaklah semestinya. Soal deposit ini mengikut Fasal 39 dalam Undang-undang Pengambilan Balik Tanah bergantung juga kepada budi-bicara pemungut hasil (collector) tanah itu sendiri, cuma yang \$1,000 ini ertinya setingginya dia boleh ambil deposit sebagai tanda jamin untuk kelancaran kerja ataupun untuk menjamin kerja itu berjalan tetapi ini bergantunglah kepada budi-bicara collector itu sendiri samada ia hendak mengambil \$10, \$50, \$1,000 atau sebagainya. Jadi tidaklah perkara ini menjadi syarat yang mutlak. Demikian juga masaalah peraturan ini dengan kerana mengikut peraturan undang-undang tanah biasa sebagai notis yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah kepada tuan tanah memadai dengan mengeluarkan surat notis dan ditampalkan samada di rumah tuan punya, di surau ataupun di Balai Penghulu di tempat itu. Itu dianggap sah dari segi peraturan, tetapi sungguhpun begitu tergantunglah juga kepada budi-bicara pemungut hasil tanah itu sendiri samada ia merasa berkewajipan ataupun mustahak untuk memanggil tuan tanah yang berkenaan untuk menyatakan bahawa tanahnya hendak diambil dan anggaran nilai tanah itu sekian harganya dan jika ia tidak puas hati, berilah tunjuk jalan kepada tuan punya tanah itu untuk dia membuat bantahan. Ini semuanya adalah bergantung kepada budi-bicara pemungut hasil tanah (collector). Dalam hal ini saya percaya dapat kita atasi kalau sekiranya ada pengertian bersama antara pihak pegawai dan rakyat sendiri dan pihak Kementerian ini akan cuba menolong bagi mengatasi perkara ini dengan memaklumkan apa yang telah berlaku pada setengah-setengah tempat sebagai satu contoh bagi mengambil satu jalan yang baik supaya

rakyat tidak tertekan dan teraniaya dalam soal pengambilan tanah.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga membangkitkan soal pengambilan tanah kalau tanah ada dua ekar, diambil $1\frac{1}{2}$ ekar dan bakinya $\frac{1}{2}$ ekar itu, kedudukan tanahnya tidak dapat digunakan samada hendak membuat rumah dan sebagainya. Ini saya rasa, satu masa dahulu pernah berlaku hal seperti ini, tetapi apa yang kita harapkan bahawa selalunya arahan dikeluarkan kepada Pemungut Hasil Tanah apabila kita mengukur tanah rakyat untuk diambil, misalnya membuat jalan. Ukuran membuat jalan ini mempunyai satu ukuran yang tersendiri. Ia tidak boleh tinggi rendah atau zig-zag dan sebagainya. Kadang-kadang ada tanah, katalah dua ekar, duduknya memanjang sepanjang jalan, kalau diambil beberapa rantai yang berdepan dengan jalan tentulah yang baki dibelakangnya itu menjadi semacam tali benang yang panjang yang tidak dapat digunakan. Jadi kalaulah, terjumpa tanah seperti ini, jika tidaklah kaedah itu merugikan pihak Kerajaan sangat, maka bolehlah pihak Kerajaan menimbangkan yang baki $\frac{1}{2}$ ekar diambil terus. Tetapi soal yang besar sekali ialah jika sekiranya pengambilan tanah itu tidak untuk jalan, tetapi untuk kawasan perindustrian, untuk tapak-tapak bangunan kepentingan orang awam, maka biasanya pihak kerajaan sama sekali tidak membiarkan tanah ditinggalkan berbaki di atas kadar yang tidak dapat digunakan melainkan diambil seterusnya atau ditinggalkan kesemuanya. Itu bergantunglah kepada kepentingan kawasan dan keluasan yang dikehendaki bagi projek-projek yang hendak dijalankan.

Seperkara lagi yang dibangkitkan ialah masaalah tidak ada penyelarasan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri, ini dari segi bayaran pampasan. Umpamanya, Kerajaan Negeri telah acquire tanah tetapi Kerajaan Pusat belum lagi bayar. Ini, insya Allah kita akan cuba supaya seberapa boleh tidak akan berlaku lagi kelambatan itu.

Berkenaan dengan bayaran mengikut harga semasa dibayar tetapi tidak pula dibayar mengikut semasa diambil. Ini ada sedikit kekeliruan. Kadang-kadang tanah yang diambil itu ialah untuk kegunaan satu projek atau satu kampung. Waktu kita hendak ambil tanah itu, nilai sebenarnya tanah itu ialah \$2,000 seekar. Dan bila Kerajaan sudah mengambil tanah itu, tetapi wang pampasan

tadi tidak sempat dibayar kerana kelambatan dan sebagainya dan Kerajaan telah memprojeikkan tanah itu untuk didirikan pembangunan. Dengan terdirlanya pembangunan, maka tanah di sekelilingnya naik harga. Maka sangatlah tidak wajar untuk memaksa Kerajaan membayar harga tanah berdasarkan kalau tanah itu dimajukan, maka ia naik harga. Sebab, biasanya kenaikan harga tanah ini disebabkan oleh projek. Dengan sebab itu, sewaktu membentangkan Akta pindaan A 336/1976 ini dahulu, ada diterangkan dengan jelas sebab-sebab Jadual Pertama dipinda pada masa yang lampau. Dengan kerana sebahagian besar daripada orang yang tertentu mengambil kesempatan daripada projek pembangunan negara untuk meninggikan harga tanah kepunyaan milik masing-masing tatkala Kerajaan hendak mengambil tanahnya pula sebagai sumbangan daripada projek itu sendiri. Cara untuk mendirikan itu ada berbagai-bagai cara. Sebab pihak Kerajaan menilai tanah mengikut harga tanah jual-beli yang terakhir yang paling hampir dengan tanah itu sendiri. Dengan sebab itu spekulasi boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang berniat kurang baik hendak mencari untung di tengah-tengah jalan. Maka dengan sebab itu timbullah pindaan pada masa yang lalu. Tetapi sungguhpun niat Kerajaan dengan meminda Akta A 336/1976 itu dengan niat yang baik, rupa-rupanya pula telah menimbulkan implikasi yang agak teruk kepada rakyat sendiri, kepada orang ramai. Dengan sebab itu, kita terpaksa balik semula kepada Jadual Pertama yang lama bagi menjamin keadilan yang sebenarnya kepada rakyat bahawa harga pampasan yang dibayar itu adalah berdasarkan kepada harga pasaran ketika tanah itu diambil balik oleh pihak Kerajaan. Jadi hendak membayar pula mengikut harga semasa dibayar, jika takdirnya berlaku sebarang kelewatan, maka ini sangatlah tidak adil kepada pihak Kerajaan pula, sebab kenaikan harga sesudah tanah itu diambil oleh pihak Kerajaan ialah kerana projek Kerajaan yang hendak dibuat pada ketika itu. Dan tidak patut pihak orang ramai menumpang tuah atas projek yang dibuat untuk menekan Kerajaan bagi mendapat bayaran yang lebih. Dengan demikian menjadikan harga projek Kerajaan itu berganda-ganda mahalnyanya daripada yang sepatutnya.

Saya rasa itulah sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan oleh yang demikian, saya mohon supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10—

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan yang muktamat daripada Yang Berhormat Menteri mengenai penerangannya tentang deposit yang patut dibayar iaitu bukan mesti \$1,000 mengikut budibicara pegawai yang berkenaan. Kata beliau \$10 pun boleh diterima. Ini keterangan yang saya kehendakki dan kalau Yang Berhormat Menteri boleh buat satu keterangan secara hitam putih, boleh saya pegang kepada kenyataan itu.

Tuan Pengerusi: Adakah hitam putih di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini? Kita sekarang di dalam peringkat Jawatankuasa membincangkan clause satu persatu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya hendak mendapat penerangan yang jelas kalau \$10 pun boleh diterima

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi sudah terlepas masa Yang Berhormat. Sepatutnya tadi lagi Yang Berhormat minta Yang Berhormat Menteri jelaskan, sebelum kita masuk dalam peringkat Jawatankuasa. Kalau ada bab berkenaan dengan bayaran deposit itu, bolehlah. Tidak ada clause di sini berkenaan dengan jumlah wang pertaruhan itu. Ada dalam clause ini?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tidak ada. Tetapi berdasar kepada jawapan Yang Ber-

horinat Menteri tadi, saya ingin mendapatkan penjelasan yang muktamad sahaja.

Tuan Pengerusi: Betul, tetapi masanya sudah terlepas Yang Berhormat. Jikalau dibenarkan dalam peringkat Jawatankuasa ini berulang alik, sampai bilakah kita hendak habiskan Rang Undang-undang ini.

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah urusan mesyuarat kita mengikut susunan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, dan saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.20 petang.